

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

1. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meneroka pelaksanaan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun seperti di Kedah?
  - (a) Kawasan manakah yang dikenal pasti sesuai untuk perluasan musim tanaman padi?
  - (b) Apakah bentuk kerjasama yang telah dijalinkan bersama agensi Persekutuan bagi merealisasikan projek ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Kerajaan Negeri sedang menilai keberkesanan bagi cadangan pelaksanaan penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun. Faktor-faktor yang mempengaruhi hasil padi akan diambil kira termasuk kesediaan sumber dan kejayaan penghasilan atau dapatan daripada pelaksanaannya di negeri-negeri lain termasuk Negeri Kedah.

Pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang juga sedang merancang dan telah mengenal pasti kawasan di Pengairan Skim Sungai Jarak Seberang Perai Utara untuk dijadikan kawasan tanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun ini.

Secara umumnya, penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun perlulah mengambil kira beberapa faktor seperti kesediaan tanah, sumber bekalan air yang mencukupi, kos operasi dan pengurusan ladang yang dapat menyumbang kepada kualiti dan kuantiti hasil yang dituai.

Tanah juga mestilah berada dalam kategori sangat baik. Namun keperluan tanah untuk direhatkan seketika perlu diambil kira. Penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun akan menyebabkan tempoh rehat tanah menjadi singkat dan menyebabkan tanah rosak termasuk kejadian tanah jerlus.

Selain itu, pematuhan jadual bekalan air oleh pesawah juga merupakan faktor yang sangat penting ketika musim penanaman padi. Kegagalan pesawah mematuhi jadual bekalan air dengan teratur akan memberi risiko yang besar terhadap hasil pengeluaran padi seperti yang disasarkan.

Seterusnya, faktor pengurusan ladang serta kawalan penyakit dan perosak tanaman turut wajar diberi perhatian. Dalam pengurusan tanaman padi, penjadualan tanaman memainkan peranan penting di mana apabila berlaku penanaman di luar musim atau lebih musim daripada musim asal akan meningkatkan risiko kepada ketidakcekapan pengurusan tanaman terutama terhadap serangan perosak yang tinggi.

- (b) Program penanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun merupakan inisiatif di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). KPKM menawarkan peluang kepada jabatan / agensi yang beminat untuk menyertai program ini. Walau bagaimanapun, kelulusan di peringkat KPKM perlu diperoleh terlebih dahulu memandangkan program ini melibatkan implikasi kewangan bagi tambahan peruntukan untuk tujuan skim baja dan pemberian subsidi jualan padi.

Kini, pihak Jabatan Pertanian bersama-sama dengan pihak IADA dan Insititut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sedang bekerjasama dalam merancang dan menentukan pengurusan tanaman padi lima musim dalam tempoh dua tahun ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

2. Apakah SOP negeri untuk pertandingan memancing bagi mengelak pelepasan spesies asing yang berisiko mengganggu biodiversiti dan habitat?
  - (a) Huraikan tindakan pencegahan yang akan dikuatkuasakan selepas insiden MBSP September lalu.
  - (b) Nyatakan pelan pemulihan sekiranya pelepasan berlaku juga.

**YB H'NG MOOI LYE**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pelepasan Ikan Ke Perairan Umum Oleh Orang Awam Tahun 2019 yang bertujuan untuk memperjelaskan tatacara pelaksanaan pelepasan ikan ke perairan umum dengan kaedah yang sesuai dan bertanggungjawab kepada orang awam. Garis panduan ini penting bagi memelihara keseimbangan biodiversiti, habitat dan spesies ikan asli di perairan umum. Perincian berhubung garis panduan tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
  - (a) Insiden pelepasan spesies ikan asing semasa pertandingan memancing anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) pada 20 September 2025 yang lalu telah mendapat perhatian serius daripada pihak DOF Negeri Pulau Pinang. Kes ini masih dalam siasatan dan laporan berkaitannya telah dihantar ke Ibu Pejabat DOF untuk tindakan selanjutnya.

Susulan itu juga, pihak DOF Negeri Pulau Pinang telah mengambil tanggungjawab dengan melaksanakan beberapa inisiatif awalan untuk mengelakkan insiden yang sama berulang. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) DOF telah membuat hebahan berhubung prosedur mendapatkan kebenaran daripada DOF untuk semua aktiviti pelepasan ikan di perairan umum sama ada oleh individu mahupun kumpulan dan larangan terhadap pelepasan ikan asing di perairan umum. Hebahan ini telah dilaksanakan secara meluas melalui media massa, papan tanda di kawasan sungai utama dan pelbagai saluran komunikasi lain;
- (ii) DOF sedang mempergiatkan usaha bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai pelepasan ikan tanpa kebenaran DOF yang boleh dikenakan tindakan dan hukuman mengikut peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317]; dan
- (iii) Selain itu, pindaan terhadap peraturan sedia ada sedang dijalankan bagi memastikan ia lebih relevan dan memperketat hukuman yang dikenakan.

Pihak MBSP juga akan memperketat prosedur penganjuran pertandingan memancing dengan merujuk serta mendapatkan kerjasama dan nasihat teknikal daripada pihak DOF Negeri Pulau Pinang sebelum setiap penganjuran diadakan pada masa hadapan.

Langkah ini termasuk semakan dan kelulusan jenis ikan yang akan dilepaskan bagi memastikan hanya spesies tempatan yang selamat dan tidak menjejaskan ekosistem sahaja dibenarkan.

- (b) Antara beberapa cadangan bagi pemulihan sekiranya insiden pelepasan tersebut berulang adalah seperti berikut:
  - (i) Orang awam atau peserta diwajibkan melaporkan kejadian tersebut kepada penganjur atau pegawai pertandingan dengan segera supaya aktiviti ini tidak diteruskan dan perlu mendapat kebenaran DOF;

- (ii) Penganjur atau pegawai yang bertugas akan bertindak segera untuk menangkap semula spesies asing yang terlepas itu. Kaedah menangkap ikan boleh dibuat sama ada dengan menggunakan peralatan menangkap ikan yang lebih efisien seperti jala dan sebagainya. Pihak penganjur perlu mengambil tanggungjawab sepenuhnya bagi tindakan pemulihan tersebut; dan
- (iii) Spesies asing yang berjaya ditangkap semula perlu dilupuskan. Cadangan pelupusan boleh dibuat sama ada dengan menanam ikan ke dalam tanah atau dimakan oleh orang awam mengikut spesies dan jenis ikan tersebut.

LAMPIRAN A



GARIS PANDUAN  
**PELEPASAN IKAN**  
OLEH ORANG AWAM

ID157/23

## KANDUNGAN

### PERKARA

### MUKASURAT

#### PRAKATA

1. Latarbelakang	4
2. Definisi pelepasan benih ikan ke perairan umum	4
3. Konsep pelepasan benih ikan ke perairan umum	5
4. Jenis-jenis pelepasan benih ikan ke umum	5
5. Tujuan garis panduan Pelepasan benih ikan ke perairan umum	5
6. Objektif	6
7. Manfaat Umum	6
8. Faktor-faktor penurunan populasi ikan di perairan umum	6
9. Tafsiran	7
10. Tujuan pelepasan	7
11. Mekanisma Pelepasan Benih Bersasar	8
11.1 Peringkat Persediaan Pelepasan Benih Ikan	8
11.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih	11
11.3 Peringkat Pemantauan	12
12. Mekanisma Pelepasan Benih Ikan/Udang Bagi Tujuan Pendidikan /Keagamaan	12
12.1 Peringkat awal pelepasan benih	12
12.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih	13
13. Implikasi Ikan Asing/Larangan Dilepaskan Ke Perairan Umum	13
14. Penilaian Keberkesanan dan Pengukuhan	13
15. Penutup	13
16. Senarai Rujukan	14

Lampiran 1	Statistik Bilangan Benih Yang Telah Dilepaskan dan Pendaratan	15
Lampiran 2	Borang Permohonan Program Pelepasan Umum Oleh Orang Awam	16
Lampiran 3	Senarai Ikan Yang Boleh Dilepaskan Ke Perairan Umum Oleh Orang Awam	17
Lampiran 4	Senarai Ikan Bukan Asli Yang Dilarang Dilepaskan Ke Perairan Umum	18

## **GARIS PANDUAN PROGRAM PELEPASAN IKAN KE PERAIRAN UMUM DI MALAYSIA**

### **1. Latarbelakang**

Jumlah spesies ikan asli di Semenanjung Malaysia sebanyak 282 spesies (haslawati et al., 2007). Senarai ikan asli tersebut menunjukkan 32 peratus adalah daripada famili cyprinidae. Melibatkan kawasan perairan sungai, tasik dan empangan. Kajian inventori telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perikanan FRI Glami Lemi di 28 lembaran sungai dan 5 tasik. Melibatkan 32 lokasi di Semenanjung Malaysia dan 1 lokasi di Sarawak. Kajian yang dijalankan daripada tahun 2004 hingga 2018 mengenalpasti 105 spesies ikan asli dan 30 famili ikan asli. Berdasarkan maklumat tersebut jelas menunjukkan terdapat banyak spesies ikan asli yang telah pupus, hampir pupus dan terancam. Maklumat dan data saintifik **program inventori** sumber perikanan darat akan digunakan untuk menentukan kaedah pelaksanaan pelepasan benih ke perairan umum. Bagi menentukan sungai, lokasi pelepasan, spesis, bilangan benih dan sebagainya. Berdasarkan maklumat saintifik ini penekanan akan diberikan kepada pemuliharaan sumber di bawah program pembangunan habitat dan memperkayakan sumber Perikanan darat. Aktiviti yang dilaksanakan antaranya adalah pelepasan benih ikan ke Perairan umum.

### **2. Definisi Pelepasan Benih Ikan ke Perairan Umum**

Secara umumnya pelepasan benih ikan ke perairan umum membawa maksud melepaskan benih ikan ke perairan umum dengan tujuan untuk meningkatkan populasi ikan. Oleh itu berlaku kekeliruan dan salah faham berdasarkan definisi tersebut. Terutama berkaitan dengan benih ikan asing yang dilepaskan di perairan umum. Berdasarkan definisi FAO stocking adalah membiakan pembenihan ikan di hatcheri dan melepaskan ke sungai, danau atau laut untuk meningkatkan populasi yang sudah ada atau menciptakan populasi yang sebelumnya tidak ada. Restocking pula membawa maksud membiakan benih ikan asli di hatcheri dan benihnya dilepaskan di habitat asal tujuan untuk memulihara kepelbagaian diversiti. Berdasarkan definisi-definisi tersebut pelepasan benih ke perairan umum bermaksud melepaskan benih ikan asli ke habitat asalnya di perairan umum dengan tujuan untuk meningkatkan populasi dan memulihara kepelbagaian biodiversiti. Pelepasan juga melibatkan induk ikan.

**3. Konsep pelepasan benih ke perairan umum dihuraikan seperti berikut:-**

- i) Membiakan benih ikan asli di hatcheri
- ii) Melepaskan benih ikan asli di habitat asal
- iii) Melepaskan benih ke perairan umum secara berkala
- iv) Berdasarkan maklumat saintifik (inventori sumber perikanan)
- v) Pemuliharaan oleh komuniti setempat
- vi) Pemantauan keberkesanan program pelepasan benih

**4. Jenis-jenis pelepasan benih ikan ke perairan umum**

- i) Pelepasan benih ikan spesies ikan lazim (ikan asli) ke perairan umum untuk menambah stok.
- ii) Pelepasan benih ikan untuk mengawal ekosistem sungai seperti rumpai air, plankton dan sebagainya
- iii) Pelepasan benih ikan mengawal dominan populasi
- iv) Pelepasan induk ikan ke perairan umum untuk pemuliharaan
- v) Pelepasan induk ikan untuk rekreasi
- vi) Pelepasan spesies ikan terancam ke perairan umum

**5. Tujuan Garis Panduan Pelepasan benih ikan**

Garis Panduan Pelepasan Benih Ikan ke perairan umum ini bertujuan untuk memberi panduan dan memperjelaskan tatacara pelaksanaan pelepasan ikan ke perairan umum. Garis panduan ini mengandungi konsep, objektif, strategi, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian projek. Oleh itu, tujuan khusus garis panduan ini adalah

- i) Memberikan panduan tatacara pelepasan benih ke perairan umum bermula daripada perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian.
- ii) Menguruskan supaya pelepasan benih ikan khususnya jenis-jenis ikan asli yang dilepaskan ke perairan umum berdasarkan maklumat saintifik dan menggunakan kaedah kajian yang tepat.
- iii) Pengurusan pelepasan umum yang sistematik memastikan kelestarian sumber perikanan yang berterusan.

## 6. Objektif

- i) Memulihara, meningkat dan menjamin kelestarian sumber perikanan darat.
- ii) Meningkatkan sumber pendapatan nelayan darat
- iii) Menyokong dan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri perikanan rekreasi.

## 7. Manfaat umum

- a) Menambah dan mengekalkan stok ikan asli di perairan darat
- b) Mengekalkan spesies ikan asli daripada pupus
- c) Memulihara dan mengekalkan pelbagai spesies ikan asli bernilai tinggi
- d) Peningkatan pendaratan ikan asli dari perairan umum.
- e) Memulihara kepelbagaian biodiversiti dan genetik ikan asli
- f) Penambahan pendapatan nelayan dan pihak berkepentingan
- g) Membangunkan industri nilai tambah perikanan rekreasi seperti restoran masakan ikan sungai, perkhidmatan bot pelancong/memancing, aktiviti sport fishing dan penjualan peralatan memancing.
- h) Membangunkan industri hiliran seperti produk ikan pekasam ikan kering, bebola ikan, ikan sejuk beku dan sebagainya
- i) Memperkasakan komuniti dalam pengurusan perikanan darat.
  - a) Peranan dan penglibatan masyarakat dalam membantu kerajaan memulihara sumber adalah penentu kejayaan pengurusan sumber secara mampan. Memperkasakan komuniti dalam pengurusan (penjagaan) sumber perikanan darat dapat mengurangkan beban kerajaan serta mewujudkan kesedaran dan mengubah sikap
  - b) masyarakat terhadap kepentingan menjaga sumber.
- j) Mewujudkan produk pelancongan
  - a) Program pelepasan benih ini mampu dijadikan sebagai produk pelancongan. Ekosistem perikanan darat serta habitat ikan mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara. Program-program yang melibatkan pelancong seperti aktiviti menyusur sungai, meninjau kawasan santuari dan sebagainya mampu menjadi destinasi yang menarik dan menjadi tumpuan pelancong.

## 8. Faktor -faktor penurunan populasi ikan di perairan umum

- i) Penangkapan ikan tidak terkawal (eksploitasi)
- ii) Pencemaran

- iii) Wujudnya ikan asing diperairan umum
- iv) Ekosistem sungai yang terganggu seperti meluruskan dan mendalamkan sungai, penebangan pokok raperian ditebing sungai dan pencerobohan rezab sungai
- v) Penyakit ikan
- vi) Perubahan iklim

## 9. Tafsiran

- i) Perairan umum  
Perairan umum berdasarkan Akta Perikanan 1985 ertinya mana-mana sungai, tasik, anak sungai, kolam dan mana-mana perairan lain di Malaysia selain dari perairan lautan, sama ada semulajadi atau buatan manusia, milik sendiri atau selainnya.
- ii) Perikanan darat  
Perikanan darat berdasarkan Akta Perikanan 1985 ertinya perikanan di perairan sungai
- iii) Perairan umum tertutup  
Perairan umum tertutup ialah perairan sungai yang tiada aliran air masuk dan air keluar daripada perairan tersebut
- iv) Perairan umum terbuka  
Perairan umum terbuka ialah apa-apa perairan sungai yang ada aliran air masuk dan aliran air keluar daripada perairan tersebut.
- v) Perairan terbuka bermilikan  
Perairan terbuka bermilikan ialah apa-apa perairan terbuka yang dimiliki secara perundangan atau diurus dan ditadbir di bawah bidang mana-mana badan berkuasa melalui sesuatu perundangan.
- vi) Perairan umum tertutup bermilikan  
Perairan umum tertutup bermilikan ialah apa-apa perairan tertutup yang dimiliki secara perundangan atau yang diurus dan ditadbir dibawah bidang kuasa mana-mana badan berkuasa melalui sesuatu undang-undang.

## 10. Tujuan pelepasan benih

### 10.1 Pelepasan Benih Bersasar

- Pelepasan benih bersasar sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun di perairan yang telah ditentukan untuk mencapai objektif utama pelepasan benih.

- Pelepasan benih bagi tujuan santuari dan konservasi
- Pelepasan benih berdasarkan maklumat saintifik (maklumat inventori sumber dan kajian-kajian berkaian).

#### 10.2 Pelepasan Benih Bagi Tujuan Pendidikan(Awareness)/Keagamaan

- Pelepasan benih oleh orang awam
- Benih-benih ikan yang dibenarkan
- Lokasi pelepasan yang strategik
- Penglibatan masyarakat terutama badan bukan kerajaan, pelajar-pelajar sekolah, ketua masyarakat dan badan keagamaan.

### 11. Mekanisma Pelepasan Benih Bersasar

#### 11.1 Peringkat Persedian Pelepasan Benih

##### 11.1.1 Perancangan Pelepasan Benih Ikan

- i) Menyediakan jadual perancangan pelepasan benih ikan secara berkala 3 kali setahun bagi setiap lokasi yang telah ditentukan. Dicapai pelepasan benih dilakukan diantara bulan Mac hingga September setiap tahun.
- ii) Perancangan mestilah berdasarkan kepada kesesuaian lokasi, musim dan waktu.
- iii) Merancang sumber bekalan benih ikan daripada hatceri Jabatan atau swasta.
- iv) Merancang pelepasan benih berdasarkan daripada hasil kajian inventori perikanan darat yang telah dilaksanakan.
- v) Sumber Peruntukan boleh diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan berkanun, Syarikat Koperat(CSR) dan sebagainya.
- vi) Merancang keperluan perbelanjaan seperti perolehan benih, peralatan.persediaan majlis, pengangkutan, sewaan (sekiranya ada) dan sebagainya.

##### 11.1.2 Penentuan Perairan umum

- i) Keutamaan pemilihan perairan umum untuk pelepasan benih ikan hendaklah berdasarkan perairan umum yang telah dilaksanakan inventori sumber perikanan darat.

- ii) Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti untuk dijadikan santuari atau kawasan konservasi untuk melindungi dan memulihara sumber perikanan darat. (Rekod koordinat pelepasan)
- iii) Kriteria pemilihan kawasan pelepasan umum:-
  - Perairan umum yang mempunyai ekosistem dan habitat ikan yang baik.
  - Kawasan habitat pembiakan semulajadi ikan / lubuk pembiakan.
  - Keutamaan kawasan konservasi
  - Kawasan pelepasan umum berdekatan dengan penempatan nelayan memudahkan pengawasan, pemantauan dan impak pelepasan benih memberi manfaat kepada komuniti nelayan darat.
  - Kawasan yang aktif dengan aktiviti penangkapan ikan
  - Terhindar daripada unsur pencemaran terutama kawasan hulu sungai seperti aktiviti perladangan, perkilangan, pelombongan dan perumahan.
  - Mengetahui keadaan sosial ekonomi masyarakat/nelayan darat/penduduk setempat.

#### 11.1.3 Pemilihan Lokasi Pelepasan yang tepat

Pemilihan lokasi pelepasan adalah bermaksud menentukan tapak atau tempat yang bersesuaian untuk melaksanakan pelepasan benih ikan. Pemilihan lokasi yang tepat adalah penentu kejayaan pelepasan benih yang dilaksanakan. Kriteria pemilihan lokasi adalah:-

- i) Parameter kualiti air yang sesuai.
- ii) Tahap kesuburan air seperti nitrat, fosfat dan plankton
- iii) Kedalaman air yang sesuai
- iv) Arus sungai diantara 5-10 m/s.
- v) Dicapang di lokasi yang mempunyai kemudahan asas
- vi) Mempunyai tebing sungai yang rendah.

#### 11.1.4 Pemilihan Spesies Ikan

- Pemilihan spesies ikan adalah berdasarkan kepada kajian inventori sumber perikanan darat.

- Menggunakan pengiraan Indeks kepelbagai simpson (Indeks Simson D).

Kriteria pemilihan spesis ikan adalah seperti berikut:-

- i) Identifikasi dan penentuan spesis-spesis ikan yang terancam dan berkurangan populasinya di suatu perairan atau ekosistem.
- ii) Spesis ikan asli sahaja yang dibenarkan untuk pelepasan umum.
- iii) Spesis ikan asing/bukan asli tidak dibenarkan di lepaskan ke perairan umum.
- iv) Ikan yang mempunyai genetik yang baik, bernilai dan mempunyai potensi pasaran.
- v) Keutamaan spesis ikan yang telah dibiakkan secara komersial
- vi) Spesis yang mempunyai adaptasi dengan persekitaran baharu yang cepat.
- vii) Pandangan masyarakat setempat.

#### 11.1.5 Kualiti dan kesihatan ikan

- i) Bagi memastikan ikan yang dilepaskan sihat dan bebas dari penyakit. Benih ikan mestilah melalui proses kurantin bagi memastikan ikan tersebut sihat dan bebas daripada penyakit.
- ii) Memperolehi benih-benih daripada hatceri swasta yang telah mempunyai pensijilan yang diiktiraf oleh Jabatan.

#### 11.1.6 Saiz benih Ikan/Udang

- i) Saiz benih ikan yang hendak dilepaskan mestilah tidak kurang daripada 3 inci.
- ii) Saiz benih udang yang hendak dilepaskan adalah tidak kurang PL25.

#### 11.1.7 Nisbah spesis dan kuantiti benih ikan

Nisbah spesies dan kuaniti benih ikan yang hendak dilepaskan adalah berdasarkan rangkaian jenis pemakanan ikan iaitu 30% ikan herbivor, 60% omnivor dan 10% karnivor. Hasil kajian inventori perikanan darat hendaklah dijadikan panduan.

#### 11.1.8 Waktu pelepasan

Pelepasan benih ikan mestilah dilaksanakan pada pada waktu yang bersesuaian iaitu awal pagi (7.00 pagi hingga 9.00 pagi) atau lewat petang. (4.00 petang hingga 6.00 petang)

#### 11.2 Peringkat Perlaksanaan Pelepasan Benih

##### i) Persediaan dan penghantaran benih

- Benih ikan/udang yang hendak dilepaskan mestilah tiba ke lokasi pelepasan 1 jam sebelum pelepasan.
- Penggunaan beg plastik pembungkusan benih adalah digalakkan. Nisbah diantara oksigen dan air bergantung kepada jarak penghantaran. (Cth Nisbah Air 1 : Oksigen 4 boleh bertahan bagi perjalanan 8 jam).
- Bagi benih yang mempunyai duri penggunaan tangki fiber yang lengkap dengan alat pengudaraan adalah diperlukan.

##### ii) Membuat pemeriksaan benih

- Pemeriksaan benih mesti dilakukan kepada setiap beg plastik benih bagi memastikan benih yang diterima aktif.
- Pemeriksaan secara fizikal adalah penting untuk memastikan benih ikan tersebut sihat dan tidak berpenyakit.
- Sekiranya berlaku kematian benih ikan lebih daripada 10 peratus, maka pemeriksaan lebih teliti dilakukan untuk memastikan benih tersebut tiada penyakit.

##### iii) Aklimisasi

- Beg plastik pembungkusan benih perlu direndam ke dalam sungai atau tangki transit sekurang-kurangnya 30 minit sebelum pelepasan dibuat bagi menstabilkan suhu serta mengurangkan stress kepada benih.

##### iv) Teknik pelepasan benih

- Membuka beg plastik
- Masukkan air ke dalam beg plastik secara perlahan-lahan.
- Benih ikan mestilah dilepaskan secara perlahan-lahan ke dalam air

### 11.3 Peringkat Pemantauan

#### 11.3.1 Pembentukan Jawatankuasa Pemuliharaan Sumber Komuniti Perikanan Darat

- Sekiranya pelepasan benih dibuat dikawasan yang merupakan kawasan aktiviti tangkapan nelayan darat atau kawasan konservasi disarankan untuk mewujudkan satu Jawatankuasa dikalangan komuniti nelayan darat bagi melibatkan komuniti nelayan darat agar sama-sama membantu untuk pengurusan dan pemuliharaan sumber.
- Penutupan kawasan tangkapan dikawasan-kawasan pelepasan benih
- Penentuan zon hijau(kawasan tangkapan bebas), zon kuning (kawasan tangkapan bermusim) dan zon merah (kawasan yang dilarang dengan aktiviti tangkapan-kawasan lubuk ikan)
- Musim tertutup iaitu larangan menangkap ikan ketika musim ikan bertelur.

## 12. Mekanisma Pelepasan Benih Ikan/Undang Bagi Tujuan Pendidikan/Keagamaan

### 12.1 Peringkat Awal Pelepasan Benih

#### 12.1.1 Perancangan Perancangan Pelepasan Benih

- i) Badan berkanun, swasta, badan keagamaan, orang awam dan lain-lain yang ingin menjalankan aktiviti pelepasan benih ikan/undang perlu merujuk terlebih dahulu dengan PPN/Pusat/Daerah sebelum menjalankan aktiviti pelepasan.
- ii) Permohonan boleh dibuat di PPN/Pusat/daerah yang berkaitan melalui Borang **DOF/PU-OA 01/2019** sekurang-kurangnya 2 minggu dari tarikh program.
- iii) Permohonan ini perlu dibuat bagi memastikan tiada ikan terlarang dilepaskan ke perairan umum.
- iv) Spesies ikan yang dicadangkan hendaklah mendapat kebenaran PPN/Pusat/Daerah (**Senarai Ikan yang dibenarkan adalah dirujuk**).

#### 12.1.2 Peringkat Pelaksanaan Pelepasan Benih

- i) Pihak yang menjalankan program pelepasan perlu menjemput wakil jabatan sebagai saksi program pelepasan tersebut.
- ii) Bagi program pendidikan waktu pelepasan benih adalah mengikut waktu yang ditetapkan, namun begitu bagi program keagamaan, waktu pelepasan adalah mengikut penganjur program namun digalakkan pada waktu yang telah disyorkan oleh jabatan.
- iii) Pihak penganjur program hendaklah mengemukakan laporan program pelepasan ke PPN/Pusat/Daerah tidak lewat dari 2 minggu dari tarikh program bagi tujuan rekod.

#### 13. Implikasi Ikan Asing/Larangan Dilepaskan Ke Perairan Umum

- i) Mengganggu keseimbangan biodiversiti, habitat dan spesies ikan asli di perairan umum.<sup>15</sup>
- ii) Ikan asing yang boleh membiak di perairan umum menjadi dominan dan pemangsa kepada ikan asli yang sedia ada di perairan.

#### 14. Penilaian Keberkesanan dan Pengukuhan

- i) Kajian keberkesanan Pelepasan Umum akan dijalankan keatas perairan-perairan yang telah dijalankan program pelepasan umum bagi mengenalpasti impak yang diperolehi hasil daripada program pelepasan umum.
- ii) Kajian ini akan dijalankan oleh FRI Glami Lemi. Laporan tersebut akan di dokumentasikan sebagai sumber rujukan pada masa akan datang.
- iii) Zon konservasi yang telah menunjukkan impak yang positif selepas pelepasan umum dilaksanakan perlu dipulihara untuk memastikan kesinambungan ekosistem dan mengekalkan stok ikan.

#### 15. Penutup

Garis Panduan Pelepasan Benih Ikan/Udang ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada kakitangan Jabatan untuk melaksanakan program pelepasan benih ikan/udang ke perairan umum. Garis Panduan ini juga boleh digunakan untuk memberikan maklumat dan panduan kepada orang awam yang berhasrat untuk melaksanakan program ini.

## 16. Senarai Rujukan

1. Ahmad Ashhar Othman , Hambal Hanafi,Ramley Abu Bakar 2003.Freshwater fishes of Gelami Lemi.Freswater Fisheries Reseach Centre(FFRC) Depatment of Fisheries Malaysia, Batu Berendam,Melaka.
2. Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan Peraturan-Peraturan.
3. <http://www.ros.gov.my/>
4. Kamus Dewan Bahasa dan pustaka.
5. River Auditing.Department of Irrigation and Drainage Malaysia
6. Haslawati Baharuddin, Chew Poh Chiang, Rosly Hassan 2007. Checlist of Native Freshwater Fishes of Peninsular Malaysia. Cawangan komunikasi, Jabatan Perikanan Malaysia.

**LAMPIRAN 1****A. Statistik bilangan benih yang telah dilepaskan dan pendaratan di perairan umum**

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Benih (juta)</b>	<b>Pendaratan (tan)</b>
2005	7.29	4582
2006	8.31	4164
2007	14.42	4279
2008	7.82	4352
2009	3.23	4468
2010	2.54	4805
2011	6.24	5694
2012	6.72	5041
2013	5.59	5640
2014	7.13	6520
2015	7.45	5924
2016	8.34	5847
2017	9.47	5188



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BORANG PERMOHONAN PROGRAM PELEPASAN IKAN KE PERAIRAN UMUM

**A. BUTIRAN PEMOHON**

1. Nama Pemohon : \_\_\_\_\_  
 2. Alamat : \_\_\_\_\_  
 3. Poskod : \_\_\_\_\_ 4. Negeri : \_\_\_\_\_  
 5. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

**B. BUTIRAN PERMOHONAN PELEPASAN UMUM**

1. Tarikh Cadangan Pelepasan : \_\_\_\_\_  
 2. Masa Cadangan Pelepasan : \_\_\_\_\_  
 3. Lokasi Cadangan Pelepasan : \_\_\_\_\_

4. Tujuan Pelepasan :  
 Program Pendidikan  Program Komuniti  Program Keagamaan   
 Namakan Program/Pertubuhan Yang Terlibat : \_\_\_\_\_

5. Jenis Ikan/Udang Yang Dilepaskan : \_\_\_\_\_  
 6. Bilangan Benih/Ikan Yang dilepaskan : \_\_\_\_\_

7. Sumber Benih/Ikan : Hatceri Jabatan  Hatceri Swasta   
 Nama Hatceri Jabatan/Swasta : \_\_\_\_\_

*\* Tandakan ( / ) yang mana berkaitan*

**C. PENGAKUAN PEMOHON**

Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan diatas adalah benar. Jika didapati maklumat yang diberikan ini palsu, Jabatan Perikanan Malaysia berhak menolak permohonan ini.

\_\_\_\_\_  
 Tarikh  
 \_\_\_\_\_  
 Tandatangan  
 Nama : \_\_\_\_\_

**D. ULASAN DAN KELULUSAN PPN**

Tarikh Terima Permohonan : \_\_\_\_\_

**\* DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN**

Ulasan : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 Tandatangan  
 Cop Rasmi

*\* Pilih yang mana berkaitan*



## SENARAI IKAN YANG BOLEH DILEPASKAN KE PERAIRAN UMUM OLEH ORANG AWAM



Kalah  
*Tor tambroides*



Jelawat  
*Lopobarbus hooyeni*



Sobarau  
*Hampala macrolepidota*



Baung  
*Hemibarbus waikeri*



Tengalan  
*Puntius bulu*



Lampam Sungai  
*Barbonymus schwanenfeldi*



Tampah  
*Probarbus jitheni*



Karah Kumit  
*Hypsilobarbus wetmorei*



Temakang  
*Halostoma temminckii*



Tengas  
*Neolissochilus hexagonalepis*



Kerutu  
*Oxyeleotris marmorata*



Puyu  
*Anabas testudineus*



Terhul  
*Coloichthys haasioti*



Lomah  
*Thynnichthys thynnoides*



Siakap  
*Lates calanifer*




Udang Galah  
*Macrobrachium rosenbergii*



Sepat ranggong  
*Trichopodus trichopterus*

**Ikan Bukan Asli  
Yang Dilarang Dilepaskan  
ke Perairan Umum**

 <b>Genus: <i>Serrasalmus</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>	 <b>Genus: <i>Serrasalmo</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>
 <b>Genus: <i>Pygocentrus</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>	 <b>Genus: <i>Cotobario</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>
 <b>Genus: <i>Pygopristis</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>	 <b>Genus: <i>Pristobrycon</i></b> <b>Nama Tempatan: Piranha</b>
 <b>Genus: <i>Colosoma / Piaractus</i></b> <b>Nama Tempatan: Pacu / Bawal Merah</b>	 <b>Genus: <i>Mylopus / Myleus</i></b> <b>Nama Tempatan: Pacu / Bawal Merah</b>
 <b>Genus: <i>Mylossoma</i></b> <b>Nama Tempatan: Silver Dollar</b>	 <b>Genus: <i>Myletes</i></b> <b>Nama Tempatan: Silver Dollar</b>
 <b>Genus: <i>Salmo / Oncorhynchus</i></b> <b>Nama Tempatan: Salmon</b>	 <b>Genus: <i>Salmo / Oncorhynchus</i></b> <b>Nama Tempatan: Trout</b>
 <b>Genus: <i>Cichla</i></b> <b>Nama Tempatan: Peacock Bass</b>	 <b>Genus: <i>Esox</i></b> <b>Nama Tempatan: Northern Pike</b>





**Spesies:** *Psephurus gladius*  
**Nama Tempatan:** Paddlefish




**Spesies:** *Clarias gariepinus*  
**Nama Tempatan:** Keli Afrika



**Spesies:** *Pangasius sanitwongsei*  
**Nama Tempatan:** Patin (Chao Phraya Giant Catfish / High Fin Catfish)



**Spesies:** *Catla catla*  
**Nama Tempatan:** Kaita



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

3. Bagaimanakah kaedah QarboGrow dilaksanakan dalam Program Padi Berimpak Tinggi negeri?
  - (a) Apakah kelebihan kaedah ini berbanding kaedah sebelum ini?
  - (b) Bagaimanakah kaedah ini meningkatkan pendapatan petani
  - (c) Apa yang kerajaan bantu pesawah untuk kaedah ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kaedah QarboGrow dilaksanakan melalui penyemburan QarboGrow iaitu penggalak fotosintesis. Ia disemur sebanyak empat kali iaitu pada hari ke 40, 50, 60 dan 70 selepas tabur (disebut sebagai 'Hari Lepas Tanam'). Penyemburan dilakukan menggunakan dron bagi memastikan liputan yang sekata serta penggunaan bahan yang efisien di seluruh kawasan sawah. Pihak Syarikat Qarbotech bekerjasama dengan Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dan petani tempatan untuk melaksanakan latihan, pemantauan prestasi hasil, serta pengumpulan data lapangan. Sehingga kini, sebanyak 2,000 hektar kawasan padi di daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU) telah menggunakan kaedah ini.
  - (a) Kelebihan kaedah baharu menggunakan teknologi QarboGrow dalam penanaman padi iaitu penggalak fotosintesis pertama di dunia adalah ia mampu membantu tanaman padi menyerap cahaya matahari dengan lebih berkesan bagi meningkatkan

kecekapan proses fotosintesis seterusnya mempercepatkan pertumbuhan vegetatif dan pengisian biji padi yang berkualiti tinggi.

Penggunaan teknologi ini terbukti dapat meningkatkan hasil tuaian sehingga 30%, mengukuhkan daya tahan tanaman terhadap tekanan cuaca seperti suhu tinggi dan kekurangan air, serta boleh digabungkan dengan input pertanian lain seperti baja dan racun tanpa menjejaskan keberkesanannya. Walau bagaimanapun, keberkesanan teknologi ini perlu dilaksanakan selaras dengan Amalan Pertanian Baik dan panduan *Rice Check* yang digariskan oleh Jabatan Pertanian Malaysia. Ini termasuklah kawalan rumpai sebelum aplikasi bagi mengelak bahan aktif diserap oleh rumpai, penggunaan benih sah seperti varieti MR297 atau MR303 yang mempunyai kadar fotosintesis tinggi, pengurusan air sawah antara 5 cm hingga 10 cm pada fasa vegetatif serta pembajaan tepat masa dan seimbang mengikut fasa pertumbuhan tanaman.

Selain itu, semua aktiviti ladang perlu direkodkan mengikut *Rice Check* bagi menilai keberkesanan penggunaan input dan hasil yang diperoleh. Secara keseluruhannya, gabungan teknologi inovatif QarboGrow dengan prinsip Amalan Pertanian Baik bukan sahaja meningkatkan hasil dan kualiti padi, malah menyokong sistem pengeluaran yang lebih efisien, mampan dan berdaya saing bagi industri padi negara khususnya di kawasan jelapang padi seperti Negeri Pulau Pinang.

- (b) Pesawah dapat meningkatkan purata hasil sebanyak satu (1) metrik tan setiap hektar sawah yang diusahakan. Setiap tambahan satu (1) tan hasil adalah bersamaan dengan RM1,500.00 sehektar sedangkan kos penggunaan termasuk semburan QarboGrow hanya sekitar RM320.00 sehektar bagi satu musim. Berdasarkan peningkatan hasil purata sebanyak 30% atau satu (1) metrik tan tambahan sehektar, pesawah boleh memperoleh pendapatan tambahan sekitar RM1,500.00 sehektar. Selepas ditolak kos penggunaan QarboGrow, keuntungan bersih yang diperoleh ialah sekitar RM1,180.00 tambahan sehektar bagi satu musim. Bantuan program penggalak fotosintesis ini dapat membantu sara hidup serta daya tahan ekonomi komuniti pesawah.

- (c) Kerajaan Negeri membantu pesawah melalui penyediaan input pertanian berimpak tinggi seperti produk QarboGrow yang berfungsi sebagai penggalak fotosintesis bagi meningkatkan kecekapan tumbesaran pokok padi, seterusnya meningkatkan hasil pengeluaran. Peruntukan sebanyak RM1,622,000.00 telah disalurkan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi Perkhidmatan dan Perbekalan Produk Penggalak Fotosintesis (QarboGrow) di kawasan sawah seluas 2,000 hektar yang melibatkan golongan sasaran seramai 1,392 orang pesawah di Negeri Pulau Pinang.

DOA Negeri Pulau Pinang turut memantau pengeluaran hasil padi secara berkala bagi menilai impak penggunaan produk QarboGrow, termasuk peningkatan hasil per hektar, kualiti padi serta penjimatan penggunaan baja dan racun kimia. Namun begitu terdapat beberapa halangan yang perlu diatasi antaranya tahap kesedaran dan kefahaman pesawah terhadap kaedah baharu ini, keperluan latihan penggunaan yang betul, serta faktor cuaca yang boleh mempengaruhi keberkesanan produk. Usaha berterusan seperti bimbingan teknikal, pemantauan berjadual dan penilaian impak lapangan perlu diteruskan bagi memastikan hasil pengeluaran padi dapat ditingkatkan secara mampan melalui penggunaan produk berasaskan teknologi seperti QarboGrow.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

4. Berapakah nilai / *volume* eksport siakap dan udang yang terjejas, disebabkan Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?
- (a) Senaraikan langkah segera mengurangkan lambakan domestik.
  - (b) Nyatakan sasaran pemulihan pasaran eksport ini.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Data bagi eksport produk siakap dan udang ke Negara Thailand pada tahun 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Ikan yang tidak dapat dieksport ke Thailand telah dijual dalam pasaran tempatan dengan harga yang lebih murah.
  - (b) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah mengadakan sesi kunjungan hormat ke atas pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand pada 26 September 2025 bagi membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak di Negeri Pulau Pinang.

## DATA EKSPORT PRODUK IKAN SIAKAP DAN UDANG KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024

DATA EKSPORT PRODUK IKAN SIAKAP KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024 (JAN-DIS)			
TAHUN	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT
2024	22,097,430	231,840,546	10

\* Berdasarkan data eksport ikan siakap ke Thailand pada tahun 2024, anggaran kuantiti eksport berjumlah 22,097,430kg dengan nilai RM231,840,546 dengan purata harga RM19,320,046 sebulan.

DATA EKSPORT PRODUK UDANG KE NEGARA THAILAND TAHUN 2024 (JAN-DIS)			
TAHUN	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT
2024	3,289,782	5,115,836	2

\* Berdasarkan data eksport udang ke Thailand pada tahun 2024, anggaran kuantiti eksport berjumlah 3,289,782kg dengan nilai RM5,115,836 dengan purata harga RM426,320 sebulan.

DATA EKSPORT PRODUK IKAN(SIAKAP) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	21,505,533	226,353,570	11	RM18,862,797.50
	KELANTAN	20,300	40,600	2	RM3,383.33
	PERLIS	571,597	5,446,376	10	RM453,864.67
Jumlah		22,097,430	231,840,546	10	RM19,320,045.50

DATA EKSPORT PRODUK IKAN(UDANG) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	590,630	722,975	1	RM60,248
	PERLIS	2,699,152	4,392,861	2	RM366,072
Jumlah		3,289,782	5,115,836	2	RM426,320

DATA EKSPORT IKAN HIDUP(SIAKAP) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	PERLIS	1,025,150	8,860,000	9	RM738,333
Jumlah		1,025,150	8,860,000	9	RM738,333

DATA EKSPORT IKAN HIDUP(UDANG) KE NEGARA THAILAND BERDASARKAN NEGERI TAHUN 2024 (JAN-DIS)					
TAHUN	NEGERI	KUANTITI (KG)	NILAI (RM)	PURATA HARGA PERKILO/UNIT	PURATA HARAGA BULANAN
2024	KEDAH	692	2,021,762	2,921	RM68,480
	SELANGOR	2,016	14,193	7	RM1,183
Jumlah		2,708	2,035,955	752	RM169,663

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

5. Apakah pelanggaran prosedur eksport yang menyebabkan Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?
- (a) Nyatakan tindakan terhadap tindakan ini.
  - (b) Terangkan SOP baharu dan senarai semak eksport yang wajib dipatuhi.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Tiada sekatan terhadap pengeksportan ikan siakap. Pihak Negara Thailand mengetatkan syarat import ikan siakap dari Malaysia kerana berlaku pelanggaran penggunaan antibiotik terlarang terhadap ikan siakap yang ditenak di Malaysia.
- (a) Negara Thailand mengetatkan syarat import ikan siakap dengan mengenakan kajian persampelan terhadap ikan yang dieksport. Kajian persampelan ini dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Thailand dalam tempoh tiga hingga lima hari di pintu sempadan. Situasi ini telah menimbulkan kesukaran terhadap penternak untuk mengeksport ikan siakap ke Negara Thailand kerana tindakan ini menyebabkan risiko kerosakan kepada ikan siakap tersebut apabila ikan siakap ini tidak disimpan di dalam tempat penyimpanan sewajarnya kerana tiada kemudahan bilik sejuk di pintu sempadan.

- (b) Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah seperti yang berikut:
- (i) Mengenal pasti 40 buah ladang di seluruh Negeri Pulau Pinang yang terlibat dengan pengeksportan ikan siakap ke Negara Thailand dan meminta supaya setiap ladang memohon pensijilan *myGAP* melalui DOF supaya pemantauan berkala dapat dilaksanakan;
  - (ii) Melaksanakan program kesedaran berkaitan Amalan Akuakultur Baik (AAB) di ladang dengan mengadakan beberapa siri mesyuarat dan perjumpaan bersama penternak ikan siakap untuk menangani isu ini;
  - (iii) Melaksanakan program persampelan khusus untuk isu ini melibatkan ikan siakap dan makanan ikan dengan persampelan kali pertama telah dibuat pada bulan Februari 2025 melibatkan 28 sampel dan persampelan kedua telah dibuat pada bulan April 2025 melibatkan 16 sampel makanan ikan; dan
  - (iv) Menjalinkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membangunkan mekanisme di sepanjang proses pengeksportan ikan siakap ke Negara Thailand dalam memastikan rangkaian bekalan pengeksportan ikan siakap mematuhi keperluan Negara Thailand.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

6. Bagaimana Kerajaan Negeri berkoordinasi dengan kementerian/Persekutuan untuk menyelesaikan masalah Pihak Berkuasa Thailand mengenakan sekatan eksport siakap dan udang?
- (a) Nyatakan lima tuntutan rasmi kepada Thailand.
  - (b) Gariskan garis masa keputusan jawatankuasa Thailand.

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah mengadakan sesi kunjung hormat ke atas pihak Jabatan Perikanan Thailand dan National Bureau of Agricultural Commodity and Food Standards (ACFS) di Bangkok, Thailand pada 26 September 2025 bagi membincangkan isu sekatan eksport ikan siakap yang dikenakan oleh Kerajaan Thailand kepada penternak di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Lima (5) tuntutan rasmi pihak Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Thailand adalah seperti yang berikut:
    - (i) **Pertimbangan Penggunaan Garis Panduan Lama Untuk *Chilled Fresh* Siakap**

Garis panduan lama untuk kemasukan *chilled fresh* siakap diteruskan. Dalam masa yang sama, semua syarikat di Malaysia perlu mematuhi mekanisme baharu yang telah ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Jika terdapat syarikat yang gagal mematuhi peraturan, syarikat tersebut akan disenarai hitam tanpa menjejaskan syarikat lain yang berkualiti dan sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Kerajaan Thailand;

**(ii) Cadangan Syarikat Berkualiti oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Sekiranya pertimbangan pada tuntutan pertama tidak dapat dipenuhi, Kerajaan Negeri Pulau Pinang merayu agar pihak Thailand membenarkan beberapa syarikat berkualiti yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk terus mengeksport ikan siakap ke Negara Thailand dengan mematuhi mekanisme Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM serta berpandukan garis panduan lama yang ditetapkan oleh pihak Kerajaan Thailand;

**(iii) Maklumat Bertulis Berkenaan Kaedah Ujian Makmal dan *Knowledge Exchange***

Pihak Kerajaan Malaysia memohon agar Kerajaan Thailand dapat memberikan maklumat rasmi secara hitam putih berhubung kaedah ujian makmal yang diguna pakai. Hal ini amat penting bagi memastikan pengimport dari Negeri Pulau Pinang dapat mematuhi sepenuhnya garis panduan yang ditetapkan. Kerajaan Negeri juga memohon untuk dibenarkan sesi *knowledge exchange* antara pegawai makmal Malaysia dan Thailand untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai piawaian yang digunakan oleh pihak Thailand dalam membuat *lab sampling*;

**(iv) Lawatan Tapak di Sempadan**

Ia bagi meneliti dengan lebih terperinci kaedah sekatan yang dilaksanakan. Langkah ini dapat membantu pihak Malaysia memahami dengan lebih jelas kehendak dan syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Thailand; dan

**(v) Pemulangan Produk Selepas Ujian Pemeriksaan**

Sekiranya tuntutan pertama dan kedua masih tidak dapat dipertimbangkan, pihak Kerajaan Malaysia merayu agar produk yang telah diuji dan diperiksa dapat dipulangkan semula. Jika tidak dipulangkan, ia akan mengakibatkan kerugian besar kepada para penternak di Malaysia.

- (b) Pihak Jabatan Perikanan Thailand memaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perikanan Thailand telah bersara pada 30 September 2025. Justeru, keputusan yang perlu dibuat oleh jawatankuasa harus menunggu ketetapan muktamad daripada Ketua Pengarah baharu yang dijangka akan mula bertugas pada awal tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

7. Apakah status bekalan beras putih tempatan di Pulau Pinang?
- (a) Bagaimanakah agihan / kuota BPT kepada pasar raya, kedai runcit dan koperasi ditetapkan?
  - (b) Bagaimana pemantauan dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan beras tempatan cukup?

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Tiada lagi bekalan beras putih tempatan di Negeri Pulau Pinang selepas Program Khas Beras Putih Tempatan (BPT) Bersubsidi Tahun 2025 berakhir pada 31 Ogos 2025 yang lalu.
- (a) Tiada penetapan agihan / kuota beras putih tempatan kepada pasar raya, kedai runcit dan koperasi kerana Program Khas BPT Bersubsidi Tahun 2025 telah berakhir pada 31 Ogos 2025.
  - (b) Pemantauan terhadap program ini telah dihentikan tetapi pemantauan dan penguatkuasaan terhadap stok, harga dan pematuhan kepada Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 tetap diteruskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

8. Nyatakan nisbah doktor dan jururawat kepada penduduk Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025.
- (a) Adakah nisbah tersebut memenuhi piawaian WHO untuk doktor dan jururawat?
  - (b) Sejauh manakah Kerajaan Negeri membantu mengurangkan beban kekurangan doktor dan jururawat akibat daripada pertambahan penduduk di DUN?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Nisbah doktor dan jururawat kepada penduduk Pulau Pinang bagi tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Pegawai Perubatan</b>	<b>Jururawat</b>	<b>Penduduk Pulau Pinang</b>
2023	1,735	3,624	1,772,000
2024	1,939	4,341	1,800,000
2025 (Sehingga Ogos)	1,907	4,346	1,803,300

- (a) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menunjukkan nisbah doktor kepada penduduk sekurang-kurangnya satu (1) doktor untuk setiap 1,000 orang dan satu (1) jururawat bagi setiap 300 orang. Berdasarkan nisbah yang disyorkan oleh WHO, kadar nisbah semasa di antara doktor (fasiliti kesihatan kerajaan) dan

penduduk di negeri ini adalah mencapai seperti apa yang ditetapkan namun nisbah di antara jururawat dan penduduk masih tidak mencapai sasaran, iaitu 1:415.

- (b) Isu kekurangan tenaga kesihatan dari pelbagai bidang merupakan isu di peringkat kebangsaan dan perlu diselesaikan di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Di peringkat negeri, antara langkah yang dilakukan bagi mengurangkan isu ini adalah dengan menggerakkan anggota kesihatan di pelbagai fasiliti kesihatan kerajaan di Pulau Pinang secara berjadual tanpa mengira penempatan perjawatan pegawai. Selain itu, JKNPP juga sentiasa berusaha membuat permohonan pertambahan kakitangan kesihatan ke peringkat kementerian.

Sebagai usaha transformasi dari *sick care* kepada *health care*, Kerajaan Negeri turut merancang lagi promosi kesihatan awam dan kesedaran awam bagi memupuk gaya hidup yang lebih sihat sebagai usaha mengurangkan kesesakan di kemudahan kesihatan awam. Ini dapat dilihat melalui penganjuran acara promosi kesihatan awam dan acara sukan yang melibatkan pelbagai pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) di seluruh Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

9. Nyatakan bilangan produk makanan diperiksa dan jumlah tidak mematuhi standard keselamatan sejak 2020 hingga kini.
- (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri memastikan keselamatan produk di pasaran?
  - (b) Apakah mekanisme pemantauan dan penguatkuasaan yang digunakan?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Sejak tahun 2020 hingga kini, sebanyak 2,485 sampel penguatkuasaan telah diambil daripada industri dan permis makanan. Daripada jumlah tersebut, 135 sampel didapati tidak mematuhi standard keselamatan makanan seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan *Codex Alimentarius*. Kesemua pelanggaran ini telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tindakan pendakwaan. Kesemua kesalahan tersebut telah disabitkan dan dikenakan hukuman denda berjumlah RM665,650 oleh mahkamah di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, penguatkuasaan turut memberi tumpuan kepada pematuhan kehendak pelabelan produk makanan di pasaran. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 28,932 jenis produk makanan telah disita dengan nilai sitaan RM734,935, dan kesemuanya telah dilupuskan di tapak pelupusan sisa pepejal Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) memastikan produk makanan di pasaran selamat melalui langkah-langkah berikut:
- (i) Pemantauan dan pensampelan berkala terhadap makanan mentah, makanan diproses dan makanan sedia dimakan;
  - (ii) Pemeriksaan kebersihan premis makanan yang melibatkan restoran, kilang, kantin serta pasar awam;
  - (iii) Siasatan terhadap aduan pengguna berkaitan isu keselamatan makanan;
  - (iv) Pelaksanaan program jaminan keselamatan makanan;
  - (v) Kerjasama strategik dengan agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan.
- (b) Mekanisme Pemantauan dan Penguatkuasaan Keselamatan Makanan adalah seperti berikut:
- (i) Pemeriksaan premis makanan dilaksanakan secara berkala oleh pegawai JKNPP mengikut kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985;
  - (ii) Pensampelan makanan dihantar kepada makmal untuk dianalisis;
  - (iii) Notis amaran dan tindakan dikeluarkan kepada pengendali makanan yang gagal mematuhi peraturan. Kesalahan serius boleh dikenakan denda, penggantungan lesen, atau tindakan mahkamah;
  - (iv) Produk yang disahkan tidak selamat akan diarahkan untuk ditarik balik daripada pasaran dengan segera;
  - (v) Melaksanakan kempen pendidikan awam serta program latihan kepada pengendali makanan bagi meningkatkan

kefahaman terhadap kepentingan keselamatan makanan.

Kerajaan Negeri melalui JKNPP komited memastikan setiap produk makanan yang dijual di pasaran adalah selamat dimakan oleh pengguna melalui kawalan bersepadu, penguatkuasaan undang-undang, dan kerjasama strategik pelbagai agensi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

10. Berapakah jumlah kanak-kanak yang dikenal pasti mengalami masalah pertuturan dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri dalam membantu kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan di Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Jumlah murid kategori kurang upaya pertuturan dalam pendidikan sekolah negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH MURID</b>
2020	18
2021	20
2022	21
2023	22
2024	20
2025	25

- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang telah mengadakan program dalam usaha membantu kanak-kanak yang mengalami masalah pertuturan di Pulau Pinang seperti berikut:-
- (i) Perkhidmatan sokongan Pegawai Bidang Khusus 3PK bidang Terapi Pertuturan dan Bahasa dari aspek saringan, penilaian, konsultasi guru/waris dan

intervensi kepada Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) atau latihan kepada guru/waris; dan

- (ii) Kunjung bantu ke sekolah berfokus kepada latihan untuk guru pendidikan khas bagi akomodasi dan modifikasi di dalam bilik darjah yang bersesuaian bagi menyokong komunikasi berkesan bagi MBPK pertuturan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

11. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan bagi membantu pesakit warga asing di klinik atau hospital kerajaan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah SOP yang diguna pakai sekiranya pesakit warga asing tidak mampu membayar kos rawatan?
  - (b) Bagaimana mekanisme pemantauan peruntukan ini dilaksanakan?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Sehingga kini, tiada peruntukan khas yang disalurkan kepada pesakit warganegara asing (WNA) di klinik kesihatan ataupun Hospital Kerajaan.
- (a) Bagi pesakit WNA, mana-mana rawatan di Klinik Kesihatan mahupun hospital kerajaan, mereka perlu membayar pada harga yang sama. Namun, terdapat pengecualian caj kepada pemegang kad United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR) yang sah sahaja. Mereka yang mengemukakan dokumen permohonan kad UNHCR yang belum disahkan atau dalam pertimbangan UNHCR adalah tidak layak diberikan pengurangan caj ini. Surat pengenalan diri daripada UNHCR boleh diterima pakai bagi mendapatkan pengurangan 50%.

Bagi penyakit berjangkit yang dihidapi oleh WNA, pengecualian fi adalah bagi pesakit luar, ujian makmal dan lain-lain prosedur siasatan bagi penyakit berjangkit tersebut. Senarai penyakit berjangkit adalah:

- (i) Demam kuning;
- (ii) Ebola;
- (iii) Kolera;
- (iv) Malaria;
- (v) Plague;
- (vi) Tifoid;
- (vii) Tuberkulosis;
- (viii) Avian influenza; dan
- (ix) Kusta

Pengecualian caj fi ini tidak terpakai pada WNA yang datang ke klinik kesihatan mahupun hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan di negara ini sebagai pelancong kesihatan (health tourism). Kanak-kanak WNA akan menerima pengecualian fi pesakit luar dan fi suntikan imunisasi rutin polio melalui suntikan vaksin Dtap-IPV-HepB-Hib.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

12. Apakah perkembangan penjenamaan semula Sistem Masjid Pro Penang ke Sistem Pengurusan Bersepadu MAINPP?
- (a) Berapakah kos keseluruhan sejak pembangunan hingga kini?
  - (b) Nyatakan syarikat pembangun sistem ini serta mod perolehan / tender.
  - (c) Berapa bilangan masjid belum menyertai sistem ini? Nyatakan sebab berlaku.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Kos pelaksanaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP bagi setiap masjid ditetapkan sebanyak RM10,550.00. Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) Bilangan 3 Tahun 2025 telah bersetuju untuk mewajibkan penggunaan SPB MAINPP di semua masjid di negeri Pulau Pinang dan kos pelaksanaan sistem ditanggung sepenuhnya.

Selain itu, Mesyuarat MAINPP Bilangan 4 Tahun 2025 juga telah bersetuju untuk memulangkan semula kos yang telah ditanggung oleh masjid yang melaksanakan sistem ini pada peringkat awal dengan kadar maksimum RM5,550.00 bagi setiap masjid.

Secara keseluruhannya, jumlah kos pelaksanaan sistem ini bagi 216 masjid di seluruh negeri Pulau Pinang adalah sebanyak RM2,278,800.00.

- (b) Mesyuarat MAINPP Bilangan 4 Tahun 2020 telah memutuskan bahawa perolehan bagi penggunaan system ini akan dibuat oleh pihak masjid sendiri serta menyarankan agar semua masjid menggunakan sistem yang dibangunkan oleh syarikat Myrich Dynasty Network Sdn. Bhd.

Bagi menyelaraskan pelaksanaan dan mengelakkan percanggahan dalam penggunaan sistem pengurusan di peringkat masjid, Mesyuarat MAINPP Bilangan 3 Tahun 2025 telah bersetuju untuk mewajibkan penggunaan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP di semua masjid di negeri Pulau Pinang.

- (c) Sehingga kini, kesemua 216 masjid di negeri Pulau Pinang telah menggunakan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) MAINPP sepenuhnya, iaitu lebih awal daripada jangkaan asal pelaksanaan. Sistem ini telah berjaya digunakan dengan berkesan bagi menguruskan pelbagai urusan pentadbiran masjid, termasuk Mesyuarat Agung Pencalonan Jawatankuasa Kariah 2026-2028 yang telah berlangsung pada Julai 2025 hingga September 2025 yang lalu.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

13. Sejauh manakah impak pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) terhadap pembangunan dasar Kerajaan Negeri?
- (a) Senaraikan aktiviti dan peruntukan program yang dijalankan tahun 2024.
  - (b) Apakah mekanisme pemantauan keberkesanan DKG di peringkat pelaksanaan?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Kaji selidik awal bagi Penilaian Separuh Penggal Dasar Keterangkuman Gender (DKG) yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bersama pegawai pelaksana DKG mendapati bahawa pelaksanaan dasar ini memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan dasar Kerajaan Negeri, khususnya dari segi cara sesuatu dasar digubal, dilaksanakan dan dinilai.

Pertama, pelaksanaan DKG mengutamakan keperluan pelbagai kumpulan dalam penyampaian perkhidmatan dan pengurusan agensi atau jabatan. Melalui bimbingan serta pemantauan yang berterusan, pegawai pelaksana DKG dilihat semakin peka terhadap isu gender dan keadilan sosial dalam melaksanakan program serta tugas harian mereka.

Kedua, pelaksanaan DKG turut menyumbang kepada pembentukan dasar yang lebih inklusif dan responsif gender di peringkat negeri. Setiap dasar dan program yang dirangka kini mengambil kira keperluan wanita,

lelaki serta golongan rentan seperti ibu tunggal, warga emas dan orang kurang upaya (OKU), bagi memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara adil dan saksama.

Ketiga, kejayaan pelaksanaan DKG dapat dilihat melalui pelaksanaan Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (Gender Responsive and Participatory Budgeting – GRPB) yang dijalankan secara menyeluruh di peringkat kerajaan tempatan, iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Melalui metodologi GRPB, rakyat dilibatkan secara langsung dalam penyediaan bajet serta perancangan program dan projek. Pendekatan ini membolehkan sumber diagihkan dengan lebih tepat sasaran, adil serta telus kepada rakyat, yang dapat melihat sendiri bagaimana bajet negeri dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan mereka.

- (a) Senarai aktiviti dan peruntukan program yang telah dilaksanakan pada tahun 2024 oleh PWDC, MBPP dan MBSP adalah seperti yang dinyatakan dalam **LAMPIRAN A**.
- (b) Mekanisme Pemantauan Keberkesanan DKG

Mekanisme pemantauan keberkesanan DKG di peringkat pelaksanaan adalah dengan mewujudkan struktur Jawatankuasa Pemandu Dasar (*Policy Steering Committee*) yang berfungsi sebagai badan tadbir urus peringkat tertinggi dan memegang akauntabiliti utama terhadap kejayaan sesuatu dasar serta unit/bahagian yang mempunyai kuasa menyelia dan membuat penjajaran agar dasar dapat diterjemahkan dalam Tatacara Pengendalian Piawai setiap jabatan dan agensi Kerajaan Negeri.

Di peringkat kerajaan tempatan, pemantauan dilaksanakan melalui Jawatankuasa Gender yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar serta dianggotai oleh Ahli-ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai gender. Jawatankuasa ini bersidang sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun bagi memantau serta mendokumentasikan kemajuan pelaksanaan DKG, termasuk pencapaian sasaran setiap jabatan berdasarkan Pelan Tindakan DKG MBPP dan MBSP masing-masing.

**LAMPIRAN A****AKTIVITI DAN PERUNTUKAN PROGRAM DASAR KETERANGKUMAN  
GENDER (DKG) YANG DIANJURKAN OLEH JABATAN/AGENSI  
TAHUN 2024**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	11 Mac	Taklimat DKG anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT) kepada Ahli Majlis MBPP & MBSP yang Baru Dilantik	-
2	2 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri (BTMKN) dari Pejabat SUK Negeri	-
3	14 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan Dasar Keterangkuman Gender (DKG) 2024 bersama Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang	-
4	17 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama lima Pejabat Daerah dan Tanah	-
5	17 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	-
6	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Bahagian Kawal Selia Air (BKSA)	-
7	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang	-
8	1 Mei	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama PDT Seberang Perai Utara	-
9	19 September	Sesi konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP)	-
10	20 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	-

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
11	24 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB bersama PDT Seberang Perai Tengah	-
12	25 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB PDT Daerah Barat Daya	-
13	25 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP)	-
14	26 September	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG & Projek GRPB PDT Seberang Perai Selatan	-
15	1 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Perbadanan Ketua Menteri (CMI)	-
16	16 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Veterinar Negeri Pulau Pinang	-
17	18 Oktober	Sesi Konsultasi Pelan Tindakan DKG bersama Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang	-
18	19 November	Sesi Dialog YB Lim Siew Khim bersama Pegawai Focal Point DKG	2,255.00
19	6 Disember	Taklimat DKG bersama staf Jabatan Taman Botani Negeri Pulau Pinang	-
20	11 Disember	GRPB Bootcamp 2024	4,200.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>			<b>6,455.00</b>

<b>MBPP</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	1 Januari	Soal Selidik Bajet Rakyat MBPP 2025 @ <i>City Walk</i> Sempena Hari Bandaraya 2024	10,100.00
2	28 Januari	Soal Selidik Bajet Rakyat @ MBPP <i>Car Free Day</i>	2,830.00
3	25 Februari	Sesi <i>Town Hall</i> Bajet Rakyat MBPP 2025	35,292.00
4	17 Februari	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 1	2,300.00
5	20 Februari	Lawatan MBSP ke Projek GRPB MBPP	6,475.00
6	15 hingga 24 Mac	Soal Selidik Bajet Rakyat 2025 MBPP @ Plaza Gurney & Queensbay Mall	-
7	22 Mac	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 2	2,300.00
8	22 April	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 3	2,420.00
9	23 Mei	Bengkel Sumbang Saran Toolkit SDD untuk KT (MBPP)	9,468.00
10	24 Mei	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 4	2,420.00
11	28 Jun	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 5	2,420.00
12	18 Julai	Bengkel Analisis Gender MBPP	5,097.60
13	26 Julai	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 6	2,420.00
14	23 Ogos	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 7	2,420.00
15	29 Ogos	Penang iBelanja Engagement @ Pasar Jalan Anson	-
16	27 September	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 8	2,420.00
17	25 Oktober	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 9	2,420.00
18	13 November	Bengkel ToT bagi Pegawai & Penolong Pegawai Gender MBPP	4,375.00
19	22 November	Bengkel Gender 101 MBPP: Siri 10	2,420.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>			<b>97,597.60</b>

<b>MBSP</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Program</b>	<b>Peruntukan (RM)</b>
1	7 Februari	Pelancaran GRPB CA 2024 MBSP: Edisi Hibrid	7,240.00
2	22 Februari	Lawatan MBPP ke Projek GRPB MBSP	7,450.00
3	30 April	Bengkel ToT bagi Pegawai & Penolong Pegawai Gender MBSP	7,780.00
4	23 Mei	Bengkel Sumbang Saran Toolkit SDD untuk KT (MBSP)	9,468.00
5	4 Jun	Pengumuman Peserta & Taklimat Garis Panduan <i>GRPB Champion Award</i> MBSP 2024	-
6	20 Jun	Bengkel Analisis Gender MBSP	5,350.00
7	15 Ogos	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender untuk Kakitangan MBSP Siri 1	3,600.00
8	20 Ogos	Sesi Bersama Panel Perunding Bagi Kategori Perkhidmatan Pintar GRPB Champion Award MBSP	2,500.00
9	28 Ogos	Sesi Bersama Panel Perunding bagi GRB dan Aspek Gender GRPB Champion Award MBSP	3,780.00
10	5 September	Taklimat Dasar Keterangkuman Gender untuk Kakitangan MBSP Siri 2 & 3	11,400.00
11	9 September	Sesi Bersama Panel Perunding bagi Kategori Ekonomi dan Sosial GRPB Champion Award MBSP	-
12	3 Oktober	Taklimat DKG untuk Kakitangan MBSP Siri 4 & 5	5,400.00
13	3 Oktober	Sesi Konsultasi Panel Perunding bagi Kategori Alam Sekitar GRPB Champion Award MBSP 2024	-
14	30 November	Bengkel Pelan Tindakan DKG MBSP 2025	22,203.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN (RM)</b>			<b>86,171.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

14. Sejauh manakah keberkesanan kempen Penang Goes Orange dalam meningkatkan kesedaran dan mencegah keganasan terhadap wanita?
- (a) Berapakah jumlah peserta yang terlibat dalam aktiviti PGO dan berapa peruntukan diturunkan pada tahun 2024?
  - (b) Apakah indikator yang digunakan untuk menilai impak kempen terhadap perubahan sikap masyarakat?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Kempen *Penang Goes Orange* (PGO) yang bermula pada tahun 2014 kini telah berkembang menjadi platform advokasi utama di Pulau Pinang bagi meningkatkan kesedaran terhadap keganasan terhadap wanita, kanak-kanak dan isu berasaskan gender.

Keberkesanan kempen ini terserlah melalui peningkatan penyertaan masyarakat, kesedaran warga awam terhadap isu keganasan rumah tangga serta penambahbaikan sistem sokongan mangsa. Selepas lebih 10 tahun, PGO terbukti berkesan sebagai gerakan sosial yang membina masyarakat lebih peka, berani dan menolak keganasan terhadap wanita.

- (a) Pada tahun 2024, lebih 10,000 orang peserta telah terlibat dalam kempen PGO.

Bagi pelaksanaan kempen tahun 2024, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30,000.00

kepada PWDC. Jumlah keseluruhan kos pelaksanaan kempen adalah sebanyak RM122,500.00, baki perbelanjaan telah ditampung melalui sumbangan dana, sumbangan barangan, pembiayaan tempat dan perkhidmatan daripada pelbagai rakan strategik dan penaja korporat.

(b) Indikator utama yang digunakan untuk menilai impak kempen terhadap perubahan sikap masyarakat merangkumi tiga aspek utama, iaitu:-

(i) Tahap penglibatan masyarakat

Jumlah penyertaan yang meningkat dari tahun ke tahun menunjukkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap isu keganasan berasaskan gender semakin tinggi dan mencerminkan keterbukaan masyarakat untuk membincangkan isu-isu yang dahulunya dianggap sensitif.

(ii) Kerjasama strategik yang meluas

Penglibatan pelbagai NGO, institusi pendidikan, termasuk swasta, agensi kerajaan dan komuniti tempatan dalam kempen PGO menjadi petunjuk penting terhadap keberkesanan pendekatan kolaboratif dalam menyebarkan mesej kesedaran secara lebih menyeluruh dan berimpak.

(iii) Analisis capaian serta interaksi di media social

Data capaian, perkongsian dan komen yang diterima daripada kandungan digital seperti video kesedaran dan infografik digunakan untuk menilai keberkesanan strategi komunikasi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

15. Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengesahkan Sungai Kereh tercemar najis babi. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah pencemaran sungai ini?
- (a) Sejauh manakah keberkesanan UMAS (Useful Microbes Activated Solution) dan Quantum Thermal Cracking?
  - (b) Apakah hasil kajian rintis yang dilakukan menggunakan teknologi baru?
  - (c) Nyatakan garis masa penyelesaian masalah pencemaran ini.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah bagi menyelesaikan isu pencemaran Sungai Kereh menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP). Antara tindakan yang dilaksanakan termasuk penggunaan *Useful Microbes Activated Solution* (UMAS) oleh JPVPP yang masih dijalankan di kawasan saluran Kampung Selamat. Selain itu, JPVPP turut menyalurkan bantuan UMAS kepada semua 61 buah ladang ternakan di Kampung Selamat. Di samping itu, Syarikat HRB Q Tech Sdn Bhd masih menjalankan Pilot Projek di dua (2) buah ladang babi di Kampung Selamat.
- (a) Penggunaan UMAS oleh JPVPP dapat membantu untuk mengawal bau busuk apabila digunakan di dalam aktiviti

penternakan manakala *Quantum Thermal Cracking* masih dalam proses pelaksanaan di dua (2) buah ladang babi.

- (b) Kajian rintis yang dilaksanakan masih berada dalam peringkat pelaksanaan. Berdasarkan hasil pemantauan bacaan *Biochemical Oxygen Demand (BOD)* telah mencapai paras di bawah 50 ppm selepas proses *desludging* dijalankan di ladang-ladang babi yang terlibat.
- (c) JPVPP mensasarkan tempoh satu (1) tahun untuk menyelesaikan isu pencemaran iaitu sehingga tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

16. Jelaskan dasar Kerajaan Negeri berhubung pengenalan lesen mesra haiwan di premis makanan.
- (a) Apakah syarat dan jenis haiwan yang dibenarkan di bawah lesen ini?
  - (b) Enakmen atau garis panduan manakah yang dirujuk dalam pelaksanaannya?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengeluarkan sebarang lesen atau kelulusan khas bagi membenarkan haiwan berada dalam premis makanan. Pendekatan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Establisymen Makanan yang secara jelas melarang kehadiran haiwan di dalam kawasan penyediaan makanan. Hal ini bertujuan bagi memastikan tahap kebersihan, keselamatan makanan dan kesihatan awam sentiasa terpelihara serta mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh PBT.
- (a) Tiada ketetapan syarat atau jenis haiwan yang dibenarkan memandangkan PBT tidak mengeluarkan lesen mesra haiwan. Langkah ini diambil bagi menggelakkan risiko

penularan penyakit zoonotik dan risiko kecederaan atau gigitan haiwan kepada pelanggan.

(b) Enakmen atau garis panduan yang dirujuk untuk pengawalan isu ini adalah seperti berikut:

(i) Undang-undang Kecil Establisyment Makanan; dan

(ii) Akta Makanan 1983 [Akta 281] dan Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 yang dikuatkuasakan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

17. Bagaimana Kerajaan Negeri memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu?
- (a) Apakah pelan jangka pendek dan panjang bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi?
  - (b) Berapakah peruntukan telah disalurkan kepada PBT untuk kerja naik taraf saliran sejak 2023?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Dalam memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menetapkan keperluan penyediaan laporan kajian hidraulik kepada pemaju bagi setiap cadangan pembangunan. Kajian ini perlu mengambil kira selang berulang purata (average recurrence interval, ARI) hujan untuk 100 tahun serta kesan tambahan aliran daripada pembangunan ke atas sistem saliran sedia ada. Segala cadangan penaiktarafan sistem perparitan dan kolam takungan hendaklah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam kajian sebelum kelulusan diberi.

Selain itu, bagi memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertambahan projek perumahan baharu, Kerajaan Negeri melalui PBT melaksanakan kawalan Kebenaran Merancang (KM) kepada pemaju dengan mensyaratkan penaiktarafan parit utama di sekitar kawasan pembangunan mengikut Pelan Induk *The Study On Flood Mitigation and Drainage in Penang Island* yang telah digariskan oleh Japan

International Cooperation Agency (JICA). Bagi pembangunan di luar kawasan George Town, pemaju diwajibkan mematuhi piawaian Manual Saliran Mesra Alam Malaysia (MSMA), Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam Daerah serta Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Ribut atau kajian-kajian tebatan banjir khusus yang disediakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP).

Agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP), JPSPP dan PBT turut bekerjasama rapat dalam pelaksanaan projek-projek naik taraf sistem saliran. Kerjasama ini melibatkan perkongsian maklumat dan kepakaran bagi memastikan setiap projek memberikan impak yang optimum serta memastikan sistem saliran dinaik taraf seiring dengan pertumbuhan projek perumahan baharu.

- (a) Pelan jangka pendek bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan projek-projek penaiktarafan sistem saliran dan tebatan banjir berskala kecil dan sederhana di kawasan berisiko;
  - (ii) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan, pembaikan dan penyelenggaraan sistem saliran secara berkala;
  - (iii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan rumah pam secara bulanan; dan
  - (iv) Melaksanakan kerja-kerja pengorekan kolam takungan banjir di kawasan taman perumahan.

Pelan jangka panjang bagi mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan berisiko tinggi pula adalah seperti berikut:

- (i) Melaksanakan kajian menyeluruh di kawasan-kawasan yang berisiko untuk banjir;
  - (ii) Melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di lembangan-lembangan sungai utama; dan
  - (iii) Menyediakan pelan reka bentuk terperinci bagi pelaksanaan projek-projek mitigasi banjir di kawasan *hotspot* banjir.
- (b) Peruntukan yang telah disalurkan kepada PBT bagi pelaksanaan kerja-kerja penaiktarafan sistem

saliran dari tahun 2023 sehingga 2025 adalah seperti di **JADUAL 1**.

**JADUAL 1: PERUNTUKAN KERJA PENAIKTARAFAN  
SISTEM SALIRAN PBT  
(2023-2025)**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	
	MBPP	MBSP
2023	1,654,038.80	7,252,185.85
2024	1,177,872.26	576,663.23
2025	4,310,499.00	8,761,620.92
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>7,142,410.06</b>	<b>16,590,470.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

18. Senaraikan strategi Kerajaan Negeri untuk memperkasa pelancongan luar bandar.
- (a) Senaraikan tempat-tempat pelancongan luar bandar yang terlibat dengan promosi Kerajaan Negeri.
  - (b) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi memajukan eko-pelancongan di kawasan luar bandar ini?

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) memberi tumpuan kepada strategi memperkasa pelancongan luar bandar melalui kempen khas seperti *The Opposite Side of The Island – Seberang Perai* yang menonjolkan keunikan agro-pelancongan, alam semula jadi serta kehidupan komuniti tempatan. Usaha ini merangkumi pembangunan produk pelancongan berasaskan komuniti (CBT) seperti *homestay*, bengkel kraf, lawatan ladang, pengalaman gastronomi desa, aktiviti memancing tradisional dan pemerhatian kelip-kelip, selain memperkukuh segmen ekopelancongan di kawasan pesisir dan kampung tradisi. PGT juga menjalankan promosi secara bersepadu melalui media sosial, platform digital dan kolaborasi industri termasuk penerbitan video promosi "Pulau Pinang Yang Berlainan (*Not The Penang You Know*)" bagi meningkatkan capaian pasaran.

Seiring itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memperkasa pelancongan luar bandar melalui pembangunan infrastruktur sokongan, promosi produk pelancongan tempatan, penglibatan komuniti serta pelaksanaan projek eko-pelancongan secara inklusif. Pendekatan ini memastikan manfaat ekonomi, sosial dan budaya diagihkan secara seimbang kepada penduduk setempat, di samping mengekalkan kelestarian persekitaran dan identiti komuniti luar bandar.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PGT terus memperkukuh promosi pelancongan luar bandar dengan menonjolkan keunikan alam semula jadi, warisan dan kehidupan komuniti tempatan. Antara destinasi utama yang dipromosikan di Seberang Perai ialah *Design Village Outlet Mall*, Pulau Aman, *Juru River Cruise*, Hutan Lipur Cherok To' Kun, kawasan pesisir yang terkenal dengan makanan laut segar, Kampung Mengkuang Titi, Empangan Mengkuang, Permatang Rawa *Agro Park* dan Kampung Agong. Di bahagian Pulau, kempen "*The Other Side of The Island – Balik Pulau*" menampilkan lawatan dusun buah-buahan, ladang organik serta tarikan sekitar Teluk Bahang seperti Taman Negara Pulau Pinang dan *Tropical Spice Garden*, Entopia dan ESCAPE. Promosi dijalankan melalui saluran digital rasmi PGT, YouTube, laman web [mypenang.gov.my](http://mypenang.gov.my) serta penerbitan panduan pelancongan.

Pada masa yang sama, MBSP sedang menjalankan Kajian Inventori Produk Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) yang dijangka siap pada tahun 2026 bagi mendokumentasi dan menyelaraskan pembangunan pelancongan luar bandar secara lebih strategik. Kajian ini merangkumi kategori sejarah, warisan, seni dan budaya, gastronomi, *agrotourism*, *ecotourism*, sukan dan rekreasi, kesihatan serta vista. Selain itu, MBSP turut mempromosikan Teluk Air Tawar–Kuala Muda (TAT-KM) sebagai kawasan eko-pelancongan utama melalui kerjasama dengan Kerajaan Negeri dan NGO dalam inisiatif *Bird Flyway* untuk memelihara habitat burung migrasi dan memperkukuh potensi pelancongan berasaskan alam.

- (b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khusus bagi mana-mana sektor pelancongan. Melalui PGT, Kerajaan Negeri melaksanakan strategi promosi berasaskan tema, produk dan segmen pasaran sasaran, bukannya terhad kepada lokasi semata-mata. Melalui pendekatan ini, pelbagai segmen pelancongan seperti pelancongan warisan, ekopelancongan, pelancongan komuniti dan agro, serta pelancongan kesihatan

dipromosikan secara menyeluruh meliputi semua daerah termasuk Seberang Perai. Pendekatan tematik ini memastikan setiap destinasi menerima pendedahan yang seimbang dan tidak tertumpu hanya kepada lokasi tertentu.

Di samping itu, keberkesanan promosi dipertingkatkan melalui penggunaan kempen digital, penyertaan dalam pameran pelancongan antarabangsa serta kerjasama strategik bersama rakan industri seperti syarikat penerbangan, media dan mempengaruhi. Usaha ini bukan sahaja memperluaskan capaian promosi Pulau Pinang tetapi juga mengoptimumkan perbelanjaan promosi serta menjamin pulangan yang lebih berimpak dan berterusan kepada sektor pelancongan negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

19. Nyatakan hasil padi Musim 1 Tahun 2025 di DUN Permatang Berangan serta anggaran kerugian petani.
- (a) Apakah punca utama pengeluaran rendah dan pelan pemulihan Musim 2?
  - (b) Senaraikan bantuan kerajaan untuk memulakan semula penanaman berserta garis masa sumbangan.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Anggaran hasil padi bagi Musim 1 Tahun 2025 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Permatang Berangan adalah 4.95 tan sehektar dengan harga jualan purata sebanyak RM1,500.00 bagi setiap tan. Berdasarkan kos pengeluaran sebanyak RM5,000.00 sehektar, pendapatan bersih petani dianggarkan sekitar RM2,425.00 sehektar.
- (a) Punca utama pengeluaran hasil tanaman didapati menurun disebabkan oleh kemerebakan keladi agas (*Monochoria vaginalis*). Rumpai ini tergolong dalam kumpulan rumpai daun lebar akuatik yang kerap ditemui di kawasan sawah padi. Keladi agas membiak dengan cepat melalui biji benih dan rizom, serta bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air. Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian berkurangan, dan mutu beras menurun. Selain itu,

rumpai yang tumbuh padat turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan serta meningkatkan kos kawalan ladang.

Bagi mengawal masalah kemerebakan rumpai keladi agas dan memulihkan hasil tanaman pada musim kedua, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti berikut:

(i) Kawalan Awal Sebelum Penanaman

Kerja pembajakan dan pembalikan tanah dilakukan bagi menimbus biji benih dan rizom rumpai supaya tidak dapat tumbuh semula. Sistem pengairan dan saluran dipastikan berfungsi baik bagi mengawal paras air di petak sawah.

(ii) Kawalan Kimia

Racun pra-rawat (*pre-emergent herbicide*) seperti bahan aktif *bensulfuron-methyl* atau *penoxsulam* digunakan mengikut kadar dan masa yang disyorkan oleh pihak Jabatan Pertanian (DOA) / Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Penyemburan dilakukan pada hari ke7 hingga ke10 selepas penanaman bagi mengurangkan populasi rumpai di peringkat awal pertumbuhan padi.

(iii) Kawalan Manual dan Mekanikal

Kerja mencabut rumpai secara manual dilakukan di kawasan yang menunjukkan serangan tinggi. Penggunaan alat mekanikal seperti *rotavator* dan *weeder* digunakan bagi membersihkan kawasan antara barisan tanaman.

(iv) Amalan Agronomi Baik

Penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi bagi memastikan pertumbuhan seragam dan cepat menyaingi rumpai. Penanaman dilaksanakan secara rapat dan mengikut jarak yang disyorkan bagi mengurangkan ruang pertumbuhan rumpai. Paras air sawah dikawal pada tahap 5cm hingga 10cm untuk menghalang pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

(v) Pemantauan Berterusan

Pemeriksaan ladang dilaksanakan setiap dua (2) hingga tiga (3) minggu bagi mengesan kawasan yang berisiko tinggi dan tindakan segera diambil untuk mengelakkan penyebaran rumpai. Selain itu, Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Utara juga telah melaksanakan petak demonstrasi kawalan keladi agas bagi pembekal racun yang berminat untuk mengguna pakai racun keluaran syarikat mereka.

- (b) Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang telah mengaktifkan kembali kawasan jelapang padi yang kurang aktif dan menaik taraf serta menambahbaik system pengairan di seluruh kawasan sawah padi di Negeri Pulau Pinang. Pelbagai inisiatif dan insentif yang telah dilaksanakan antaranya perataan tanah sawah, pembinaan parit jejari, bantuan input pertanian serta perkhidmatan mekanisasi ladang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

20. Berapakah jumlah kes serangan seksual yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini mengikut pecahan kes mengikut jenis serangan seperti cabul, rogol, sumbang mahram, dan amang seksual?
- (a) Apakah bentuk sokongan yang disediakan kepada mangsa serangan seksual di Pulau Pinang?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Statistik kes serangan seksual mengikut pecahan kes yang dilaporkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga Oktober 2025 adalah seperti di jadual:

<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>2022</b>	<b>2023</b>	<b>2024</b>	<b>2025</b>
Cabul	45	76	89	72	80	50
Rogol	77	83	103	81	91	77
Sumbang Mahram	4	3	13	9	8	4
Amang Seksual	69	58	79	84	100	75
<b>JUMLAH</b>	<b>195</b>	<b>220</b>	<b>284</b>	<b>246</b>	<b>279</b>	<b>206</b>

- (a) Antara bentuk-bentuk sokongan yang disediakan kepada mangsa serangan seksual di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) **Sokongan Perubatan (Kementerian Kesihatan Malaysia- KKM)**

Mangsa boleh mendapatkan rawatan kecemasan dan pemeriksaan perubatan di hospital kerajaan atau *One Stop Crisis Centre (OSCC)*;

(ii) **Sokongan Undang – Undang dan Siasatan (PDRM – Unit Siasatan Jenayah Seksual).**

Mangsa boleh membuat laporan di mana-mana balai polis, dan pihak polis akan menjalankan siasatan secara sulit serta melindungi identiti mangsa. Selain itu, mangsa boleh memohon perintah perlindungan melalui mahkamah bagi memastikan keselamatan mereka daripada sebarang ancaman susulan. Saksi dan mangsa juga mempunyai hak untuk menjalani perbicaraan tertutup di mahkamah demi menjaga maruah serta keselamatan mereka;

(iii) **Sokongan Kaunseling dan Psikologi (Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)).**

Mangsa akan dirujuk kepada kaunselor bertauliah bagi mendapatkan sokongan emosi dan mengatasi trauma, sekali gus mengurangkan tekanan, ketakutan, serta rasa bersalah, serta membantu membina semula keyakinan diri. Selain itu, kaunseling keluarga turut disediakan untuk membantu ahli keluarga memahami pengalaman mangsa dan memberikan sokongan yang sewajarnya; dan

(iv) **Sokongan Talian Bantuan dan Aduan.**

Talian Kasih 15999 beroperasi 24 jam untuk menerima aduan, memberi nasihat, dan menyediakan rujukan segera kepada mangsa. Selain itu, Talian Nur/*WhatsApp* 019-2615999 membolehkan laporan dibuat secara rahsia, manakala *Women's Centre for Change (WCC) Hotline* di Pulau Pinang dan *Women's Organisation for Awareness (WOA Hotline)* turut menerima panggilan daripada mangsa serangan seksual bagi memberikan sokongan dan bantuan yang diperlukan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

21. Apakah status terkini Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lebuh Banting?
- (a) Nyatakan garis masa, skop pakej, kos, kemajuan fizikal dan tarikh siap.
  - (b) Apakah persediaan kerajaan memandangkan banyak projek Kampung Angkat MADANI berada di kawasan terlibat?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kawasan Lebuh Banting terletak di dalam kawasan tadahan Sungai Perai dan program tebatan banjir di kawasan tersebut adalah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Perai Fasa 2.
- (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang (JPSPP) akan memohon peruntukan dari Kerajaan Persekutuan secara berperingkat melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bagi pelaksanaan projek RTB Sungai Perai Fasa 2 yang akan merangkumi kawasan tadahan sungai tersebut. Perancangan pelaksanaan projek fizikal akan hanya dapat ditentukan setelah projek diluluskan kelak.
  - (b) Kerajaan Negeri melalui JPSPP akan melaksanakan satu (1) Projek MADANI di kawasan tersebut iaitu Kerja-Kerja

Infrastruktur dan Input Pertanian Di Kampung Guar Petai, Pulau Pinang dengan peruntukan berjumlah RM500,000.00 dari Kerajaan Persekutuan. Selain itu, JPSPP juga akan melaksanakan kerja menyelenggara Sungai Bongkok Keriang (dari Sekolah Agama Rakyat Padang Ibu ke Sekolah Agama Rakyat Guar Jering) dengan peruntukan berjumlah RM50,000.00 sebagai tindakan mitigasi jangka pendek bagi memastikan aliran air dapat mengalir dengan lancar dan mengurangkan kesan banjir. JPSPP juga mempunyai perancangan untuk meninggikan ban di Jajaran Kampung Lebu Banting, Sungai Perai pada tahun 2026 dengan menggunakan peruntukan pembangunan negeri dan persekutuan. Kerja-kerja yang dirancang ini adalah merupakan tindakan mitigasi banjir jangka pendek sementara menunggu kelulusan pelaksanaan projek RTB Sg. Perai Fasa 2 diluluskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

22. Apakah tindakan Kerajaan Negeri menangani banjir kilat berulang di Taman Ara Permai sejak lima tahun akibat sistem perparitan tidak mengikut spesifikasi?
- (a) Nyatakan pelan pembaikan bertarikh, peruntukan, penguatkuasaan serta bantuan kepada penduduk.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Pembangunan di kawasan Taman Ara Permai masih belum siap sepenuhnya dan masih di bawah tanggungjawab pihak pemaju. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengarahkan pihak pemaju supaya menaik taraf sistem perparitan sedia ada di kawasan Taman Ara Permai.

Selain itu, pihak MBSP juga tidak membenarkan air buangan dari pembangunan baharu disalurkan ke dalam sistem saliran perumahan sedia ada di Taman Ara Permai. Pemaju telah disyaratkan untuk menyediakan sistem saliran dan pelepasan air buangan yang berasingan untuk pembangunan baharu tersebut. Ini adalah untuk memastikan aliran air tidak menambah beban kepada sistem saliran sedia ada dan mengelakkan kejadian banjir berulang.

(a) Perincian pelan pembaikan bertarikh, peruntukan, penguatkuasaan dan bantuan kepada penduduk adalah seperti berikut:

(i) Pelan pembaikan bertarikh adalah seperti berikut:

TARIKH	PELAN PEMBAIKAN
20.11.2020	Mendalamkan kolam tadahan kering di Taman Desa Ara Permai.
25.11.2020	Menambah kotak pembentung sebanyak lima (5) unit bersaiz 900 milimeter di sepanjang Lorong Desa Ara Permai 2.
20.12.2020	Menambah kotak pembentung bersaiz 900 milimeter sebanyak satu (1) unit di Lorong Desa Ara Permai 1.
18.12.2020	Penaiktarafan parit pengumpulan air ( <i>double drain</i> ) di tepi kawasan lapang Taman Desa Ara Permai.
15.12.2020	Tambahan kolam tadahan kering di kawasan kemajuan masa hadapan.
25.07.2021	Penaiktarafan parit monsun bersaiz 3,600 milimeter di hadapan kawasan komersial.
13.11.2021	Penambahan parit monsun bersaiz 2,400 milimeter di sepanjang Jalan Ara Kuda ke Sungai Kulim.
29.04.2025	Melebarkan parit sedia ada bersaiz 600 milimeter kepada 900 milimeter di sepanjang Lorong Desa Ara Permai 8 ke Lorong Desa Ara Permai 1.

08.10.2025	Penambahan kotak pembentung bersaiz 900 milimeter di Lorong Desa Ara Permai 8 dan Lorong Desa Ara Permai 6.
------------	---

- (ii) Semua kerja pembaikan ini adalah di bawah tanggungan pihak pemaju dan tidak melibatkan sebarang peruntukan daripada pihak MBSP memandangkan Pembangunan masih belum siap sepenuhnya. Pemaju bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan langkah mitigasi banjir secara berterusan sehingga isu banjir di kawasan tersebut diselesaikan sepenuhnya.
- (iii) Penguatkuasaan terhadap kerja tanah bagi kemajuan Fasa 2 juga telah dikenakan kepada pemaju dengan pengeluaran Notis Kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [AKTA 133] pada 06 Julai 2023 dan tawaran kompaun di bawah akta yang sama pada 30 Disember 2024, susulan kesalahan melepaskan air bersedimen dan lumpur ke dalam longkang awam yang menyebabkan kejadian banjir lumpur di kawasan berkenaan.
- (iv) Pihak pemaju telah memberi bantuan dari segi kerja baik pulih fizikal semasa tempoh Tempoh Tanggungan Kecacatan (Defect Liability Period – DLP) termasuk membina lantai anjung kereta, membaiki longkang, mengecat anjung kereta dan menurap semula jalan di hadapan rumah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

23. Apakah dasar dan garis panduan RIBI di kawasan perumahan yang baru dibina, khususnya di kawasan majoriti Melayu?
- (a) Apakah syarat persediaan tapak / kelulusan boleh dilonggarkan dan diganti di tempat lain yang majoriti bukan Melayu?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Setiap projek pembangunan perumahan baharu wajib mematuhi Garis Panduan Penyediaan Kemudahan Masyarakat termasuk penyediaan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) tanpa mengira sama ada kawasan tersebut majoriti Melayu atau sebaliknya.
- (a) Penyediaan tapak RIBI ditentukan berdasarkan jumlah penghuni dan bilangan unit perumahan yang dicadangkan. Syarat ini turut dimasukkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang (KM) yang diberikan kepada pemaju. Sekiranya tapak RIBI tidak dapat disediakan atau tidak sesuai di tempatkan di kawasan majoriti Melayu, pihak pemaju diberi kelonggaran untuk merayu dengan membayar sumbangan kewangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi menggantikan tapak RIBI tersebut yang tidak dapat disediakan secara fizikal. Bayaran sumbangan tersebut adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC).

Perincian syarat yang digunapakai untuk kedua-dua PBT adalah seperti berikut:

- i. Garis Panduan **MBPP** di laman web berikut:  
<https://www.mbpp.gov.my/ms/korporat/sumber/dasar-garis-panduan/dasar-garis-panduan-jabatan-perancangan-pembangunan3?start=2>
  
- ii. Piawaian **MBSP** di laman web berikut:  
<https://www.mbsp.gov.my/index.php/ms/mengenai-mbsp/garis-panduan-mbsp/159-garis-panduan/712-garis-panduan-perancang-bandar>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

24. Berapakah jumlah kes keganasan rumah tangga yang direkodkan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini, dan apakah trend keseluruhannya?
- (a) Apakah faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada perubahan dalam jumlah kes ini?
- (b) Apa usaha kerajaan dalam mengatasi masalah ini?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Statistik kes keganasan rumah tangga berdasarkan data Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga Oktober tahun 2025 adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Jumlah kes keganasan rumah tangga tahun 2020  
hingga Oktober 2025**

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KES</b>
2020	262
2021	455
2022	450
2023	366
2024	455
2025	277
<b>JUMLAH</b>	<b>2,265</b>

Mengikut data daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes-kes menunjukkan lonjakan ketara sebanyak 193 kes antara tahun 2020 dan 2021, terutamanya disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walau bagaimanapun, trend ini berubah pada tahun 2023 apabila terdapat penurunan sebanyak 84 kes, dengan 366 kes dilaporkan berbanding 450 kes pada tahun 2022.

Peningkatan yang direkodkan pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh peningkatan tahap kepercayaan dan kesedaran masyarakat terhadap saluran bantuan yang disediakan. Faktor ini turut menunjukkan bahawa semakin ramai individu mula menyedari kepentingan mendapatkan bantuan dan berani tampil membuat laporan kepada pihak berkuasa, ini menjelaskan kenaikan semula jumlah laporan kepada 455 kes pada tahun tersebut.

Perubahan trend ini juga boleh dikaitkan dengan usaha berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) yang diperkenalkan pada tahun 2020. Dasar ini menekankan penyediaan akses awal kepada bantuan dan sokongan melalui pewujudan pelbagai First Support Point (FSP) di seluruh negeri. Di samping itu, melalui kempen tahunan Penang Goes Orange, mesej kesedaran bahawa Pulau Pinang menolak sebarang bentuk keganasan terhadap wanita telah berjaya diperluaskan ke seluruh komuniti. Hasilnya, semakin ramai individu tampil berani untuk membuat laporan, mendapatkan perlindungan, dan menuntut keadilan selaras dengan hasrat negeri untuk membentuk masyarakat yang lebih selamat dan berdaya tahan.

(a) Antara faktor-faktor utama yang menyumbang kepada perubahan dalam jumlah kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang tahun 2020 hingga 2025.

(i) Kesan pandemik COVID-19

Kenaikan kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang mencatatkan peningkatan ketara khususnya semasa tempoh PKP. Peningkatan ini didorong oleh faktor tekanan berganda yang dialami oleh isi rumah, termasuk tekanan ekonomi dan kehilangan pekerjaan. Selain itu, pergerakan yang terhad memaksa pasangan untuk duduk bersama di rumah untuk jangka masa yang panjang, menyebabkan ketegangan memuncak, lantas

mencetuskan lebih banyak konflik dan insiden keganasan.

(ii) Faktor ekonomi dan sosial

Semasa ketidakstabilan ekonomi pada tahun 2020 dan 2021, tekanan kewangan menjadi punca utama berlakunya keganasan. Namun, apabila ekonomi mula pulih pada tahun 2022 dan 2023, tekanan tersebut berkurangan. Walau bagaimanapun, golongan berpendapatan rendah masih kekal terdedah kepada risiko keganasan disebabkan oleh pergantungan kewangan yang tinggi terhadap pasangan.

(iii) Masalah kesihatan mental

Kemurungan, gangguan personaliti, dan keresahan melampau boleh menjejaskan kawalan emosi dan keupayaan menyelesaikan konflik secara sihat. Individu yang mengalaminya mungkin bertindak agresif atau menggunakan keganasan sebagai tindak balas terhadap tekanan. Selain itu, ketagihan alkohol dan dadah turut memburukkan keadaan dengan melemahkan kawalan diri dan meningkatkan risiko tingkah laku ganas terhadap pasangan atau ahli keluarga.

(b) Antara usaha kerajaan dengan kerjasama jabatan/agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam mengatasi masalah keganasan rumah tangga adalah seperti berikut:

(i) Kempen Kesedaran dan Pendidikan Masyarakat

Kempen tahunan seperti “Penang Goes Orange” dijalankan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya keganasan rumah tangga. Program komuniti melalui ceramah, forum dan media sosial turut diadakan bagi mengubah persepsi bahawa keganasan rumah tangga bukan isu peribadi tetapi tanggungjawab bersama.

(ii) Dasar Keluarga Selamat dan *First Support Point*

Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat pada tahun 2020, sebagai dasar menyeluruh untuk memperkukuh institusi keluarga dan

mencegah keganasan domestik melalui pendekatan pencegahan awal (*early intervention*). Melalui dasar ini, pelbagai First Support Point (FSP) diwujudkan di peringkat komuniti bagi menyediakan akses awal kepada bantuan, khidmat kaunseling, dan rujukan kepada agensi berkaitan.

(iii) Pusat Krisis dan Perlindungan

One Stop Crisis Centre (OSCC) di hospital kerajaan berfungsi sebagai pusat sehati yang menyediakan rawatan perubatan, bantuan membuat laporan polis serta kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga. Selain itu, Rumah Perlindungan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan badan bukan kerajaan (NGO) turut menyediakan tempat tinggal sementara yang selamat bagi mangsa dan anak-anak mereka.

Mangsa juga boleh mendapatkan bantuan segera melalui Talian Kasih 15999, iaitu talian 24 jam bagi membuat aduan atau mendapatkan sokongan berkaitan keganasan rumah tangga dan masalah sosial.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

25. Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan?
- (a) Senaraikan inisiatif atau insentif untuk projek pelancongan berasaskan komuniti (CBT).

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Bagi memastikan komuniti tempatan mendapat manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pendekatan pembangunan pelancongan yang inklusif dan berasaskan komuniti iaitu *Community-Based Tourism* (CBT). Pendekatan ini memberi tumpuan kepada penyertaan aktif penduduk dalam pembangunan, pengurusan serta promosi destinasi pelancongan agar manfaat ekonomi, sosial dan budaya dapat dikongsi secara menyeluruh. Antara langkah yang diambil termasuk pemberian sokongan kepada pengusaha tempatan dan komuniti, penganjuran program dan festival warisan yang mempromosikan produk komuniti, pemeliharaan aset budaya dan alam sekitar serta penyertaan komuniti dalam program utama pelancongan. Pendekatan ini telah memupuk rasa tanggungjawab masyarakat terhadap kelestarian destinasi pelancongan negeri.
- (a) Kerajaan Negeri melalui George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) melaksanakan pelbagai program berasaskan komuniti bagi memperkukuh identiti budaya, memelihara warisan serta merencanakan sosioekonomi setempat. Antara inisiatif utama termasuk Perayaan Warisan George Town

yang melibatkan 40 komuniti dan menarik lebih 15,000 pengunjung, program kesiapsiagaan komuniti melalui latihan responden awal kebakaran kepada 100 komuniti serta pemasangan 10 unit *Automated External Defibrillator* (AED) di bangunan warisan Kategori 1. Selain itu, program insentif pemuliharaan bangunan warisan turut memberi impak besar, melibatkan 52 bangunan Kategori I dan 312 bangunan Kategori II dengan jumlah peruntukan melebihi RM18 juta. Inisiatif ini bukan sahaja memelihara keaslian seni bina dan identiti budaya, malah menyokong pertumbuhan pelancongan dan manfaat ekonomi kepada komuniti tempatan.

Dalam aspek seni dan budaya, penganjuran *George Town Festival* (GTF) 2025 dengan lebih 50 program berjaya menjadi platform pembangunan sosioekonomi melalui seni, budaya dan warisan. Program ini melibatkan kumpulan seni komuniti tempatan dan diperluas ke kawasan di luar George Town dengan GTF@Paya Terubong bagi menggalakkan penyertaan masyarakat. Selain itu, perarakan Chingay dan perayaan *Pai Thee Kong* turut menjadi tarikan pelancongan utama yang memperkukuh semangat perpaduan, pewarisan budaya dan memberi peluang penjana pendapatan kepada peniaga kecil serta pengusaha warisan. Secara keseluruhan, usaha bersepadu ini memastikan George Town kekal sebagai bandar warisan yang hidup, inklusif dan berdaya saing di pentas global.

Selain itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan pendekatan CBT bagi memastikan komuniti tempatan menerima manfaat langsung daripada aktiviti pelancongan melalui penyertaan aktif dalam pembangunan dan pengurusan destinasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat, malah memupuk rasa tanggungjawab terhadap pemeliharaan warisan dan alam sekitar. Antara inisiatif utama termasuk Program Penglibatan Komuniti Setempat yang melibatkan komuniti nelayan Sungai Tembus dalam pemuliharaan burung hijrah serta penganjuran pakej pelancongan berasaskan alam semula jadi, serta promosi produk dan warisan tempatan melalui penyertaan pengusaha seni dan makanan tradisional dalam festival seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF), Hari Warisan Seberang Perai dan Hari Bandaraya bagi memperluas pasaran dan menarik pelancong.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

26. Berapakah jumlah individu OKU yang berdaftar mengikut pecahan kategori ketidakupayaan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga kini?
- (a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pendaftaran OKU secara menyeluruh, terutamanya di kawasan luar bandar?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Bilangan individu Orang Kurang Upaya (OKU) yang berdaftar mengikut pecahan kategori ketidakupayaan di Pulau Pinang dari tahun 2020 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memastikan golongan OKU mendapat akses kepada bantuan dan kemudahan yang sewajarnya. Sehubungan itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) kerap menganjurkan program *outreach* di kawasan luar bandar bagi memudahkan pendaftaran OKU serta menyediakan maklumat berkaitan bantuan yang layak dipohon. Pegawai JKM turut memberikan penerangan dan bimbingan kepada individu OKU atau wakil keluarga mereka bagi memastikan proses pendaftaran berjalan lancar.

LAMPIRAN A

PECAHAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN DI PULAU PINANG DARI TAHUN 2020 HINGGA OKTOBER 2025										
Tahun	Penglihatan	Pendengaran	Pertuturan	Fizikal	Pembelajaran	Mental	Pelbagai	Jumlah Keseluruhan		
2020	155	102	4	816	644	100	51	1,872		
2021	152	101	5	768	584	135	67	1,812		
2022	197	114	2	948	1,080	127	68	2,536		
2023	297	163	12	1,189	1,419	208	89	3,377		
2024	325	189	12	1,541	1,804	227	93	4,191		
2025	216	113	10	1,080	1,329	147	79	2,974		

SUMBER : JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG  
BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

27. Berapa ramai penyertaan OKU dalam sektor pekerjaan di Pulau Pinang dan berapa ramai yang menerima Elaun Pekerja OKU dari tahun 2020 sehingga kini?
- (a) Adakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memperluas peluang pekerjaan bagi OKU di sektor awam dan swasta?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Terdapat seramai **96 Orang Kurang Upaya (OKU)** sedang berkhidmat di dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, berdasarkan statistik daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), seramai 87,171 orang pencari kerja OKU seluruh negara termasuk peserta Program *Return To Work* (RTW) telah berjaya ditempatkan dalam sektor pekerjaan sejak Januari 2020 sehingga 24 Oktober 2025. Daripada jumlah tersebut, seramai **6,784 daripadanya adalah dari Negeri Pulau Pinang.**

**Elaun Pekerja OKU (EPOKU)** adalah di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu **bantuan bulanan EPOKU berjumlah RM450.00** yang dikhususkan untuk OKU berumur 16 tahun ke atas yang bekerja. Syarat utama untuk mendapatkan bantuan ini adalah pemohon mestilah warganegara Malaysia,

memiliki kad OKU yang berdaftar dengan JKM dan bukan sedang menuntut di institusi pendidikan. Selain itu, penerima hendaklah berpendapatan bulanan antara RM100.00 hingga RM1,700.00. Permohonan boleh dibuat di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Sejak tahun 2020 sehingga kini, sebanyak **33,129 orang OKU menerima manfaat bantuan** tersebut seperti perincian di **Lampiran A**.

- (a) Bagi memperluas peluang pekerjaan kepada OKU di sektor awam, Pentadbiran Kerajaan Negeri telah menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian UP. 1.3.6 Dasar Pengambilan dan Pengurusan Inklusif Orang Kurang Upaya serta Garis Panduan Pengurusan Tempat Kerja Yang Inklusif OKU dan pemakaiannya turut dipanjangkan kepada Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Berdasarkan pekeliling tersebut, Kerajaan Negeri melaksanakan **urusan pengambilan penjawat awam kategori OKU mengikut Pihak Berkuasa Melantik** masing-masing.

Di samping itu, pelbagai inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui PERKESO dan Kerajaan Negeri untuk memperluas peluang pekerjaan bagi OKU dalam sektor swasta. Antaranya ialah melaksanakan inisiatif di bawah Belanjawan 2025 iaitu **Program Daya Kerjaya 3.0** yang merupakan satu insentif penggajian yang diberikan kepada majikan.

Program ini membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar dalam kalangan golongan mudah terjejas seperti OKU dan bekas banduan. Insentif khas ini adalah sebanyak **RM600.00 sebulan selama 3 bulan untuk majikan** yang mengambil pekerja daripada kumpulan sasar ini.

Sejak permohonan dibuka pada 1 Januari sehingga 26 Oktober 2025, statistik PERKESO mencatatkan sebanyak 33 permohonan daripada majikan termasuk di negeri

Pulau Pinang dan sebanyak **42 orang pekerja OKU mendapat manfaat** dengan pengesyoran bayaran maksimum kepada majikan berjumlah RM55,000.00.

Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama KESUMA melalui PERKESO telah melaksanakan beberapa strategi untuk membantu OKU mendapatkan akses kepada pekerjaan yang sewajarnya sekali gus memastikan golongan ini mendapat permintaan dalam pasaran buruh negara sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan mereka. Antaranya inisiatif yang dilancarkan adalah seperti yang berikut:

- (i) **Menyediakan Pusat Satelit** sebagai lokasi sehati untuk pencari kerja mendapatkan sokongan kerjaya dan pekerjaan seperti UTC Komtar, Pusat Komuniti Desa Selamat dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Taman Gelugor Indah;
- (ii) **Melaksanakan Karnival Kerjaya secara bersasar khusus untuk golongan OKU** dan PERKESO telah merekodkan sebanyak 103 Karnival Kerjaya yang berskala besar dan kecil khusus untuk golongan OKU di seluruh negara termasuk di negeri Pulau Pinang sejak Januari hingga 24 Oktober 2025;
- (iii) Melaksanakan **Program *Return To Work (RTW)*** iaitu program pengurusan hilang upaya untuk membantu pencarum yang cedera atau menghadapi penyakit untuk dipulihkan dan kembali semula bekerja lebih awal, sihat dan selamat;
- (iv) Melaksanakan **Program *Disability Equality Training (DET)* dan *Return To Work Coordinator (RTWC)*** bertujuan untuk memberikan pendedahan serta sokongan kepada majikan bagi menggajikan pekerja OKU. Program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada majikan dalam penggajian OKU; dan
- (v) Menjalinkan kerjasama strategik dengan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui

- (vi) Pusat Kesehatan Mental Masyarakat dan telah melaksanakan ***Program Re-Employment Support, Treatment and Rehabilitation Teamwork (RESTART)*** khusus untuk OKU Mental yang bertujuan untuk membantu pesakit mental menerusi sokongan individu dan penempatan pekerjaan.

**STATISTIK PENERIMA BANTUAN ELAUN PEKERJA  
ORANG KURANG UPAYA (EPOKU)**

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN PENERIMA BANTUAN</b>
2020	5,560
2021	5,710
2022	5,770
2023	5,548
2024	5,305
2025	5,236
<b>JUMLAH</b>	<b>33,129</b>

*Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang  
\*Bilangan penerima bagi tahun 2025 adalah bilangan penerima  
bantuan sehingga bulan Oktober 2025.*

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

28. Apakah langkah Kerajaan Negeri memperkasa koperasi pertanian dan perikanan bagi menstabilkan harga hasil tempatan?
- (a) Nyatakan jumlah koperasi aktif serta jumlah pengeluaran/ pasaran dikawal koperasi sejak 2020.
  - (b) Jelaskan peranan koperasi dalam rantai bekalan dan kawalan harga hasil tani negeri.

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Koperasi memainkan peranan sebagai sektor ketiga dalam membantu meningkatkan sosioekonomi anggota-anggota dan seterusnya menjana ekonomi negeri serta negara. Berdasarkan Statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri Pulau Pinang sehingga 31 Disember 2024, terdapat 107 koperasi yang terlibat dalam fungsi pertanian.

Bagi memperkasa koperasi pertanian dan perikanan dalam membantu menstabilkan harga hasil tempatan, Kerajaan Negeri menyediakan insentif seperti yang berikut:

- (i) Geran Mutiara MADANI kepada semua koperasi yang berdaftar di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2025, terdapat 14 buah koperasi yang menjalankan aktiviti pertanian, penternakan dan perikanan telah memohon geran ini dengan jumlah kelulusan adalah sebanyak RM200,0000.00; dan

- (ii) Mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi Negeri yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyalurkan bantuan aset mekanisasi dengan pemberian enam (6) unit jentera pertanian dan lima (5) unit dron pertanian kepada koperasi yang aktif dan berdaya maju. Kemudahan ini membolehkan koperasi menjalankan aktiviti penyemburan, pembajaan dan kerja ladang secara automatik serta dapat mengurangkan kos operasi, meningkatkan produktiviti dan mengekalkan kestabilan harga hasil pertanian di pasaran tempatan.

Pelaksanaan program seperti Pembangunan Tanaman Padi, Buah-buahan dan Sayur-sayuran dengan peruntukan sebanyak RM7.3 juta serta aktiviti jualan terus dan kelompok tani dengan peruntukan berjumlah RM3.0 juta telah memperkukuh kedudukan koperasi sebagai penghubung utama antara pengeluar dan pengguna. Melalui pendekatan ini, koperasi berperanan mengurus pembelian pukal input, pengumpulan hasil serta jualan terus kepada pengguna bagi mengurangkan pengaruh orang tengah yang menjejaskan kestabilan harga. Program Pembangunan Khidmat Pengembangan Tekno Pertanian dengan peruntukan berjumlah RM1.48 juta dan Pusat Inkubator serta Pusat Kecemerlangan Teknologi Pertanian dengan peruntukan bernilai RM1.1 juta pula memberi fokus kepada peningkatan kemahiran dan kecekapan pengurusan koperasi dalam aspek pemasaran, inovasi teknologi serta pembangunan produk nilai tambah.

Dalam masa yang sama, RM1.67 juta telah disalurkan untuk pelaksanaan Program Perkhidmatan Kejenteraan Pertanian dan RM3.52 juta telah disalurkan bagi Program Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan. Program-program ini turut memberi peluang kepada koperasi untuk menceburi bidang hiliran seperti pemprosesan hasil dan pengeluaran produk asas tani bernilai tambah. Usaha ini disokong melalui Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan projek infrastruktur dengan perbelanjaan tertinggi berjumlah RM9.1 juta yang memperkukuh jaringan bekalan dan memastikan ketersediaan hasil pertanian sepanjang tahun.

- (a) Sehingga tahun 2025, terdapat sejumlah 59 buah koperasi aktif bagi sektor pertanian dan perikanan di Negeri Pulau Pinang dengan jumlah perolehan adalah sebanyak RM1,383,647.05.

Aktiviti yang dijalankan adalah seperti penanaman sayur, buah-buahan, tanaman kontan dan ternakan, penangkapan ikan dan akuakultur.

Sebanyak 11 buah koperasi pertanian telah berjaya ditubuhkan dari tahun 2020 sehingga 2025 melalui kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dan SKM. Senarai koperasi adalah seperti yang berikut:

- (i) Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad;
  - (ii) Koperasi Kelompok Permatang Pasir Pulau Pinang Berhad;
  - (iii) Koperasi Kelompok Permatang Ara Pulau Pinang Berhad;
  - (iv) Koperasi Kelompok Padang Temusu Pulau Pinang Berhad;
  - (v) Koperasi Kelompok Padi Lahar Kepar Pulau Pinang Berhad;
  - (vi) Koperasi Mini Estet Seri Manggis Pulau Pinang Berhad;
  - (vii) Koperasi Tani Paya Keladi Pulau Pinang Berhad;
  - (viii) Koperasi Kelompok Padi Jalan Baru Nibong Tebal Berhad;
  - (ix) Koperasi Kelompok Padi Jalan Sempadan Berhad;
  - (x) Koperasi Jaya Tani Pulau Pinang Berhad; dan
  - (xi) Koperasi Usahawantani TKPM Ara Kuda Pulau Pinang Berhad.
- (b) Koperasi berperanan dalam rantai bekalan dan kawalan harga hasil tani negeri seperti yang berikut:
- (i) Pemantapan struktur pengurusan sawah padi dan rantai logistik tanaman

Koperasi pertanian di Negeri Pulau Pinang membantu dalam menguruskan sawah padi dan menyediakan kemudahan tanaman padi yang lebih efisien dengan mengurangkan kos orang tengah. Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang dengan sokongan SKM Negeri Pulau Pinang sedang mencadangkan transformasi kelompok padi kepada koperasi. Ini membolehkan pengurusan kelompok padi dapat dilaksanakan secara sistematik dan aktiviti perniagaan berskala besar dapat dijalankan serta memberi manfaat kepada anggota.

Sebagai contoh, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad berperanan menguruskan sawah padi dengan membantu petani memperkasa di samping

memperbaiki sistem rekod aktiviti/transaksi serta pengurusan sawah padi yang lebih teratur, sistematik dan berstruktur.

- (ii) Peranan sebagai pengeluar dan pengumpul utama Koperasi bertindak menggabungkan hasil daripada anggota-anggota koperasi bagi memastikan kuantiti mencukupi dan kualiti terjamin. Pengumpulan hasil secara pukal membolehkan kawalan terhadap bekalan di pasaran serta mengelak manipulasi harga oleh orang tengah.

Sebagai contoh, Koperasi Petani Pulau Pinang Berhad berperanan menjadi tempat pengumpulan pengeluaran tanaman anggota. Koperasi juga membantu anggota menjana pendapatan tambahan melalui penglibatan anggota dalam aktiviti rantaian pengurusan tanaman seperti meracun atau membaja.

- (iii) Peningkatan produktiviti dan nilai tambah

Koperasi memainkan peranan dalam memperkenalkan teknologi moden dan memudahkan akses input kepada petani untuk meningkatkan pengeluaran.

Sebagai contoh, Koperasi Kerjaya Permatang Nibong Pulau Pinang Berhad telah diperkenalkan dengan teknologi satelit yang mampu menilai tahap kesuburan tanah sawah padi anggota-anggota mereka bagi mendapatkan hasil yang optimum. Teknologi ini kelak boleh diguna pakai oleh koperasi kelompok padi yang lain sekiranya berjaya.

- (iv) Pembangunan kapasiti dan kerjasama dengan pihak kerajaan

Koperasi di Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalinkan hubungan yang baik (*networking*) dengan Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan seperti SKM Negeri, DOA Negeri, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri, Jabatan Perikanan (DOF) Negeri dan lain-lain jabatan/agensi berkaitan. Gerakan koperasi menerima manfaat daripada jaringan kerjasama ini dan membolehkan koperasi membantu anggota dan komuniti.

(v) Penglibatan dalam pemasaran dan agihan terus

Koperasi boleh mendapatkan produk daripada anggota dan membantu dalam jualan terus barangan dan produk tersebut kepada pengguna tanpa perantara. Koperasi turut menguruskan pasar tani, *outlet* agro dan platform jualan dalam talian. Langkah ini dapat membantu menstabilkan harga runcit serta meningkatkan pendapatan anggota koperasi.

(vi) Rantai Bekalan

Koperasi berperanan untuk mengurus pembelian pukal input pertanian seperti baja, racun dan benih bagi pihak ahli agar dapat mengurangkan kos pengeluaran di peringkat ladang.

(vii) Kawalan Harga

Koperasi menjadi platform penting bagi memastikan petani menerima harga yang adil di peringkat ladang manakala pengguna menikmati harga yang munasabah di pasaran. Melalui pengurusan secara berkelompok, koperasi mampu mengawal kadar pasaran setempat dengan menetapkan harga yang lebih seimbang antara pengeluar dan pembeli.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(VIII)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB MOHD SOBRI BIN SALEH**

29. Apakah status pelaksanaan koperasi berasaskan teknologi digital dan e-dagang di Pulau Pinang?
- (a) Nyatakan jumlah koperasi yang telah beralih ke platform digital.
  - (b) Terangkan bentuk bantuan teknikal, latihan dan geran yang disediakan untuk transformasi digital koperasi.

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah melaksanakan program taklimat pendigitalan serta penjualan produk dan perkhidmatan melalui Laman Web KSHOP bagi jualan produk koperasi secara atas talian (*online*). Program ini diadakan bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran digitalisasi anggota koperasi. Laman Web KSHOP ini dibangunkan sebagai platform pemasaran secara digital bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan koperasi ke seluruh dunia.
- (a) Sebanyak 52 buah koperasi telah diberi latihan berkaitan penggunaan dan pendaftaran Laman Web KSHOP.
  - (b) Laman Web KSHOP merupakan inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebagai platform pemasaran digital bagi gerakan koperasi. Selain itu, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan bagi bantuan Geran Mutiara MADANI kepada koperasi yang layak

sebagai bantuan bagi modal pusingan atau pembelian peralatan operasi pejabat. Kemudahan ini dapat membantu koperasi membangunkan dan memasarkan produk secara digital. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Pulau Pinang juga turut menganjurkan bengkel dan latihan kepada koperator seperti program Seminar Penggunaan Laman Web KSHOP yang telah diadakan pada 16 Januari 2025 dan Bengkel Taklimat KSHOP Koperasi Negeri Pulau Pinang pada 30 Ogos 2025.